

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang sentiasa (melazimkan) membaca kitab Allah (Al-Quran) dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kamikurniakan kepada mereka sama ada secara bersembunyi-sembunyi atau secara terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang sekali-kali tidak akan rugi".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Fathir, ayat 29.

BERKENAN SERTAI BRUNEI FOOD RUN 2026

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai Brunei Food Run 2026, yang diadakan di kawasan BIBD Connects Taman Mahkota Jubli Emas.



Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah
Foto : Ihsan Fadillah Salleh

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Mac. - Brunei Food Run 2026 yang pertama kali dianjurkan bertujuan untuk mempromosikan makanan tempatan, memberi sokongan usahawan tempatan dan juga memperkenalkan konsep larian bertemakan makanan sekali gus untuk mengeratkan silaturahim antara keluarga dan persahabatan.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menyertai Brunei Food Run 2026 yang diadakan di kawasan BIBD Connects Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara, pagi tadi.

Berangkat sama, anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang

Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul

Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

>> Muka 3

Laluan alternatif disaran bagi tingkatkan keselamatan penunggang basikal

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Mengambil kira akan pemakluman mengenai larangan berbasikal di lebuh raya semasa sesi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan ke-22, Majlis Mesyuarat Negara pada 26 Mac 2026, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) sekali lagi ingin menasihatkan kepada orang ramai terutama sekali kepada penunggang-penunggang basikal mengenai kawalan keselamatan pengguna basikal di jalan raya.

Langkah ini adalah bertujuan untuk mengurangkan risiko kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian khususnya bagi penunggang-penunggang basikal.

>> Muka 12

Sentiasa peka, menghayati nadi rakyat

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang



Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN yang telah menjadi panduan sepanjang mesyuarat yang kita adakan, khususnya dalam membahaskan perkara - perkara strategik yang memfokus terhadap masalah rakyat dan negara.

>> Muka 4

Persidangan MMN ditangguhkan setelah 11 hari bersidang

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof mencadangkan bagi majlis ini

mengusulkan ketetapan oleh badan-badan sosial menurut Perkara 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah Perkara 83 (3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam adalah masing-masing mulai dari tarikh perintah-perintah dibuat diluluskan.

>> Muka 4



Berita Utama



DOA Kesyukuran Jubli Perak Mahkamah Syariah

Muka 12



TRANSFORMASI digital bentuk cara penyampaian perkhidmatan kesihatan

Muka 13



MEMPERKASA Huffaz Al-Quran dalam komuniti antarabangsa

Muka 18



RENCANA

SALAM Aidilfitri

Muka 20

Budaya 'tadabbur' diperkukuh, fahami Al-Quran sebagai pedoman kehidupan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Anbiya Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, *wasysyukru Lillah.* Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara tahun ini yang diungkuhkan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pembangunan, dan sebuah perbadanan iaitu Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dengan bertemakan 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya' berlangsung meriah diserikan oleh keberangkatan Duli Tuanku.

Maka sekalian *abis* Duli Tuanku penganjurnya dan segenap peringkat jawatankuasa penyelenggaranya, dengan penuh takzim menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Duli Tuanku yang seterusnya akan mengurniakan sabda pembukaan majlis yang berkeberatan ini. *Abis* hamba sekalian mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa merahmati Duli Tuanku beserta kerabat Duli Tuanku dengan rahmat keselamatan dan nikmat kesejahteraan serta kebahagiaan yang berkekalan.

Beribu ampun, disembahkan bahawa acara Sambutan Nuzul Al-Quran seperti lazimnya ialah Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan. Sementara musabaqah-musabaqah peringkat awalnya telah dilangsungkan dengan bilangan pesertanya seramai 364 orang. Sesungguhnya diukur pada bilangan pesertanya, musabaqah hafazan bersama

pemahaman ayat-ayat Al-Quran yang mula diperkenalkan baru beberapa tahun sahaja adalah menunjukkan sambutan yang baik. Ia memberikan isyarat tentang kesedaran perlunya ayat-ayat Al-Quran difahami maknanya di samping dipelajari bacaannya.

Sesungguhnya memahami makna ayat-ayat Al-Quran sama ada melalui terjemahan prakata dan huraian tafsirnya adalah untuk mengambil pengajaran daripadanya sesuai dengan maksud dan tujuan Allah Subhanahu Wata'ala mewahyukannya kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk jadi pedoman dan amalan yang seterusnya meresap ke dalam diri manusia menjadi penghayatan. Antara firman Allah Subhanahu Wata'ala yang menyebut dan menegaskan sedemikian itu ialah seperti ayat 29 Surah Shaad, tafsirnya : "*Kerana itulah usaha mempelajari Al-Quran sangat perlu untuk terus menerus diperkukuhkan untuk menjadikannya tidak sahaja setakat bacaan dan hafalan bahkan hendaklah dengan pemahaman*".

Antara usaha ke arah itu ialah dengan adanya kegiatan dan program-program mentadabbur ayat-ayat Al-Quran. Kegiatan mentadabbur ini insyaaAllah akan diperkukuhkan sewajarnya, di samping memperkukuhkan usaha pembelajaran bacaan dan hafalan yang kita telah ada untuk dikembangkan.

Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini hamba Duli Tuanku dan bagi pihak rakan-rakan serta sahabat-sahabat



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman semasa berucap pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi pada Jumaat, 6 Mac 2026 yang berlangsung di Dewan Plenary Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

penganjur - pengendali majlis sambutan ini sekali lagi menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Duli Tuanku. *Abis* hamba Duli Tuanku juga menjunjung ampun sekiranya terdapat kekurangan dalam pengendalian. Hamba Duli Tuanku berdoa semoga Duli Tuanku dan seisi kerabat Duli Tuanku akan sentiasa dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala, dengan rahmat kasih sayang-Nya, sihat sejahtera dan bahagia ceria.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

SESUNGGUHNYA memahami makna ayat-ayat Al-Quran sama ada melalui terjemahan pra kata dan huraian tafsirnya adalah untuk mengambil pengajaran daripadanya sesuai dengan maksud dan tujuan Allah Subhanahu Wata'ala mewahyukannya kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk jadi pedoman dan amalan yang seterusnya meresap ke dalam diri manusia menjadi penghayatan.

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30	ISNIN	10	4.53	5.03	6.20	6.42	12.26	3.28	6.29	7.39
31	SELASA	11	4.53	5.03	6.20	6.42	12.26	3.27	6.29	7.38
1	RABU	12	4.52	5.02	6.19	6.42	12.25	3.26	6.29	7.38
2	KHAMIS	13	4.52	5.02	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
3	JUMAAT	14	4.51	5.01	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
4	SABTU	15	4.51	5.01	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29	7.38
5	AHAD	16	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 30 MAC 2026

Nilai di sebalik sampul duit raya

SAMBUTAN Hari Raya Aidilfitri merupakan detik yang penuh kegembiraan dan kesyukuran bagi umat Islam selepas sebulan berpuasa. Antara tradisi yang tidak dapat dipisahkan daripada perayaan ini ialah pemberian sampul duit raya.

Sudah setentunya mereka yang paling gembira menyambutnya ialah dalam kalangan kanak-kanak apabila mendapat sampul hijau yang berisi wang sebagai sedekah daripada tuan rumah yang dikunjungi berhari raya.

Walaupun kelihatan sederhana, amalan ini sebenarnya mengandungi pelbagai nilai murni yang penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Antara nilai utama yang terserlah ialah nilai keikhlasan dalam memberi. Pemberian duit raya melambangkan sikap pemurah dan amalan bersedekah, terutamanya kepada kanak-kanak dan golongan yang memerlukan. Jumlah wang yang diberikan bukanlah ukuran utama, sebaliknya keikhlasan hati pemberi yang lebih bermakna. Hal ini mengajar masyarakat agar sentiasa berkongsi rezeki dengan orang lain.

Selain itu, sampul duit raya juga membawa nilai kegembiraan dan penghargaan. Kanak-kanak khususnya amat teruja menerima sampul duit raya kerana ia menambahkan kemeriahannya suasana hari raya. Bagi orang dewasa pula, pemberian ini merupakan tanda kasih sayang serta penghargaan kepada ahli keluarga, saudara-mara, dan tetamu yang berkunjung.

Di samping itu, tradisi ini turut mengeratkan hubungan silaturahim. Amalan berkunjung dari rumah ke rumah membuka peluang untuk saling bermaafan dan memperkukuh hubungan kekeluargaan. Pemberian sampul duit raya menjadi simbol kecil yang menghubungkan hati dan mengeratkan lagi hubungan sesama insan.

Nilai budaya dan identiti juga dapat dilihat melalui tradisi ini. Sampul duit raya yang dihiasi dengan pelbagai reka bentuk menarik mencerminkan kreativiti serta warisan masyarakat Melayu. Tradisi ini telah diwarisi turun-temurun dan menjadi sebahagian daripada identiti masyarakat Islam di rantau ini.

Di sebalik kegembiraan tersebut, tradisi duit raya sebenarnya mencerminkan sesuatu yang lebih mendalam tentang masyarakat kita. Sampul duit raya mengajar nilai kesederhanaan dan kesyukuran. Masyarakat diingatkan agar tidak terlalu mementingkan jumlah wang, sebaliknya menghargai setiap pemberian dengan penuh rasa syukur. Kegembiraan sebenar terletak pada kebersamaan dan semangat saling memberi.

Kesimpulannya, sampul duit raya bukan sekadar pemberian wang, tetapi mengandungi pelbagai nilai murni seperti keikhlasan, kasih sayang, dan perpaduan. Tradisi ini wajar dipelihara agar terus menjadi amalan yang memperkukuh hubungan dalam masyarakat serta menceriakan Sambutan Hari Raya. - **Ketua Penyuntingan (Na)**


Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

PENINGKATAN JUALAN PERKHIDMATAN MAKANAN, MINUMAN Q4 2025



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) dalam siaran akhbar, baru-baru ini menyatakan, pada suku tahun keempat (Q4) 2025, nilai jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah mencatatkan peningkatan sebanyak 0.5 peratus berbanding Q4 2024, dengan hasil jualan meningkat daripada BND114.4 juta kepada BND115.0 juta.

Peningkatan ini adalah terutamanya didorong oleh peningkatan hasil aktiviti lain-lain perkhidmatan makanan seperti medan selera dan kios makanan sebanyak 6.0 peratus, kedai makanan segera dan aktiviti penyajian minuman masing-masing sebanyak 1.9 peratus.

Dari segi volum, perkhidmatan makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.2 peratus berbanding Q4 2024. Bagi jualan runcit, kedua-dua nilai dan volum jualan telah mencatatkan penurunan berbanding Q4 2024. Nilai jualan menurun sebanyak 4.8 peratus, dengan hasil jualan menurun daripada BND419.5 juta kepada BND399.5 juta.

Ini adalah terutamanya didorong oleh penurunan hasil jualan dalam beberapa aktiviti, iaitu gedung serbaneka sebanyak 6.5 peratus, peralatan komputer dan telekomunikasi sebanyak 21.5 peratus, dan pasar raya sebanyak 5.4 peratus.

Walau bagaimanapun, beberapa aktiviti mencatatkan peningkatan, didorong terutamanya oleh stesen minyak sebanyak 0.5 peratus, dan makanan dan minuman di kedai khusus sebanyak 10.6 peratus. Dari segi volum jualan, jualan runcit juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 5.5 peratus berbanding Q4 2024.

Bagi tahun 2025 pula, nilai jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah mencatatkan penurunan sebanyak 0.6 peratus berbanding tahun 2024, dengan hasil jualan menurun daripada BND466.2 juta kepada BND463.3 juta.

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Ini adalah didorong oleh penurunan hasil jualan bagi restoran sebanyak 1.7 peratus, aktiviti penyajian minuman sebanyak 4.5 peratus, dan aktiviti perkhidmatan catering sebanyak 1.0 peratus. Walau bagaimanapun, kedai makanan segera mencatatkan peningkatan sebanyak 3.9 peratus. Dari segi volum, perkhidmatan makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 1.0 peratus berbanding tahun 2024.



Bagi jualan runcit, nilai jualan telah mencatatkan penurunan sebanyak 3.9 peratus berbanding tahun 2024, dengan hasil jualan menurun daripada BND1,679.7 juta kepada BND1,614.7 juta.

Ini adalah terutamanya didorong oleh penurunan hasil jualan dalam beberapa aktiviti, iaitu gedung serbaneka sebanyak 5.4 peratus, pasar raya sebanyak 4.8 peratus, dan peralatan komputer dan

telekomunikasi sebanyak 8.3 peratus.

Walau bagaimanapun, barangan farmaseutikal dan perubatan, kosmetik dan barang mandian di kedai khusus, dan jam tangan dan barang kemas masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 11.6 peratus dan 12.2 peratus. Dari segi volum jualan, aktiviti jualan runcit juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 4.4 peratus berbanding tahun 2024.

Indeks Jualan Runcit (RSI) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (F&BSI) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran trend perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi suku tahun keempat dan tahunan 2025. Laporan penuh boleh didapati melalui laman sesawang JPES : <https://deps.mofe.gov.bn>.



Berkenan sertai Brunei Food Run 2026



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (kiri). Sementara gambar kanan, sebahagian yang hadir menyertai Brunei Food Run 2026.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Seterusnya diikuti sesi pemanasan badan dan Flag-Off yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Brunei Food Run 2026 diserikan lagi dengan penyampaian hadiah yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis bagi Kategori Pakaian Tercantik.

"Mengutamakan kebersihan serta menghargai makanan dan semangat penyertaan," ujar Dayang Fadillah Salleh dalam



Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah
Foto : Ihsan Fadillah Salleh

>> Muka 1

Menurut Dayang Fadillah Salleh selaku penyelarar acara berkenaan mengongsikan bahawa tema larian berkonsepkan makanan, santai bersama keluarga

dan kawan-kawan itu lebih memfokuskan kepada komuniti, keseronokan dan pengalaman unik.

Acara bermula dengan ketibaan tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan),

mengutarakan harapannya terhadap penganjuran program tersebut. Brunei Food Run 2026 dianjurkan oleh Dayang Fadillah

Salleh bersama Lab Clothing Co, Anta Sports, Alan's Churros dan Isotonic C1000 ditaja oleh Hui Huang Enterprise.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



SENTIASA PEKA, MENGHAYATI NADI RAKYAT

>> Muka 1

Semangat titah baginda tersebut, tambah Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN, telah jelas tercermin dalam perisian perbahasan yang diadakan dalam suasana produktif, beradab dan penuh hormat.

"Ahli-ahli Yang Berhormat telah membawakan perbincangan yang tinggi mutunya, jadi saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas penyertaan, sokongan serta kerjasama padu yang telah diberikan sepanjang mesyuarat pertama kita pada tahun ini," ujar Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN pada hari ke-11 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN juga seterusnya merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat atas penyertaan, sokongan dan kerjasama padu sepanjang mesyuarat serta kepada pegawai dan kakitangan MMN, kementerian, jabatan dan agensi berkaitan yang memastikan setiap urusan mesyuarat dapat dilaksanakan dengan lancar, teratur dan berkesan.

Ujar Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN, dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 ini, kita telah beberapa berjaya perkara menyelesaikan utama iaitu meluluskan empat Usul dan Rang Undang-undang (2026) Perbekalan, 2026/2027. Dewan yang mulia ini juga telah mendengar empat kenyataan menteri dan merespons kepada sebanyak 215 pertanyaan daripada Menteri-menteri.

Semua ini, tambah Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN, diadakan dalam bulan Ramadan dan juga seterusnya dalam bulan Syawal yang penuh keberkatan.

"Boleh dikatakan keadaan mesyuarat tahun ini berlainan serta sedikit mencabar dan saya menyedari bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang terlibat juga telah mengorbankan masa termasuk pada hari Jumaat dan Ahad. Namun, inilah namanya semangat kenegaraan iaitu bertugas demi bangsa dan negara dengan penuh rasa cinta, kesetiaan dan tanggungjawab yang sangat mendalam," jelas Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Sememangnya bertugas untuk negara, memerlukan pengorbanan telus, kecekalan hati dan semangat juang yang tinggi demi menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan. Semoga setiap usaha menjadi ibadat yang berlipat ganda pahalanya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Seterusnya, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN berkata, sepanjang mesyuarat ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN menghargai komitmen Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan dengan semangat musyawarah, hikmah dan kebijaksanaan.

Bagi Yang Berhormat, inilah cara terbaik di mana apa-apa permasalahan pun dapat diselesaikan dengan mendengar dari berbagai sudut pandangan serta idea-idea termasuk dari masyarakat, kemudian membincangkan dan menimbangkannya bersama dari aspek kepentingan semua pihak yang terlibat demi menghasilkan keputusan yang terbaik dan disepakati.

Dewan yang mulia ini perlu terus menunjukkan kesepakatan seperti yang ditunjukkan sewaktu membincangkan belanjawan negara ini. Ini adalah kerana harapan kita adalah sama tidak kira dari Ahli Rasmi Kerana Jawatan mahupun Ahli Yang Dilantik iaitu demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

"Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai Yang Di-Pertua Dewan, saya mempunyai keistimewaan untuk mendengar dan meneliti apa dan cara percakapan setiap ahli. Sebagai contoh, penetapan had masa telah mencabar ahli-ahli untuk menyesuaikan diri pada awalnya, ada yang mengeluh seolah-olah tidak dapat ternafas, tetapi sekarang nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat sudah dapat menyesuaikan diri dan dapat sudah bernafas seperti biasa. Sebenarnya rahsianya adalah bercakap, tetapi lebih kepada penyusunan perisian kepada dengan penggunaan bahasa yang padat yang mana ini adalah cara terbaik untuk menyampaikan maklumat *straight to the point*.

"Di samping itu, apa yang dibahaskan atau disampaikan perlu sentiasa berasaskan kepada fakta dan *substance* iaitu isu penting yang dekat dengan kehidupan dan kerisauan rakyat. Pendekatan seperti Sesi-sesi Dialog dan Muzakarah Ahli-ahli Yang Berhormat bersama kementerian-kementerian dan

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

jabatan-jabatan kerajaan perlu diteruskan, diperkasakan dan dimanfaatkan sepenuhnya di luar dewan yang mulia ini, khususnya dalam memeduli keluhan rakyat dan isu-isu sebenar secara lebih menyeluruh dan konstruktif," tekan Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Dalam ahli-ahli menjalankan tugas rasmi, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN berharap ahli-ahli akan terus berkhidmat dengan penuh integriti, tanggungjawab dan komitmen demi memastikan usaha yang dirancang dapat diterjemahkan kepada manfaat yang nyata kepada rakyat dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN berharap ahli-ahli akan sentiasa peka dan menghayati nadi rakyat kerana adalah menjadi tanggungjawab untuk membincangkannya di sini. Sebagai contoh, sewaktu perbahasan Jawatankuasa Perbekalan, pelbagai aspek dibincangkan termasuk keperluan memperluaskan peluang pekerjaan khususnya bagi belia dan usaha memperkukuhkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana sebagai pemacu ekonomi negara.

Ahli-ahli juga, tambah Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN, telah memberi perhatian kepada kepentingan transformasi digital dan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Seperti dalam ucapan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin yang mengingatkan kita akan kepentingan pengurusan kewangan negara secara berhemah dan disiplin serta pengurusan fizikal yang berhati-hati dan cekap.

"Perkara yang sama juga turut dizarhikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof dalam bentuk sebuah pantun mengenai pengurusan belanjawan negara dengan titih dan amanah demi kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

"Suara dari rakyat juga kedengaran melalui beberapa hujah yang dibawakan contohnya oleh Yang Berhormat Awang Lau How Teck yang membangkitkan mengenai aspek penyelidikan dan inovasi agar sektor pertanian lebih moden, produktif dan berdaya saing. Wakil daerah juga membawa beberapa harapan masyarakat contohnya agar

pembangunan negara tidak tertumpu kepada pusat-pusat ekonomi tertentu sahaja tetapi juga bagi masyarakat di pelbagai kawasan seperti yang pernah diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed. Saya amat menghargai kesediaan dan keberanian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk mengemukakan pandangan yang bernas dan membina," jelas Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN lagi.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN, mungkin terdapat perbezaan pandangan, perbahasan telah berlangsung dalam suasana yang tertib dan saling hormat-menghormati dan ini perlu terus dipelihara. Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan juga telah memberikan respons yang baik. Yang Berhormat amat berharap mana-mana cadangan, pandangan dan teguran yang telah dikemukakan bukannya menjadi rekod perbahasan semata-mata, sebaliknya disusuli dengan tindakan yang bersesuaian.

Ujar Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN, sebagai peringatan, terdapat beberapa perkara yang ditimbulkan dalam perbahasan di Peringkat Jawatankuasa Perbekalan yang memerlukan ulasan lanjut daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan. Yang Berhormat berharap respons akan dapat disampaikan dengan jelas kepada ahli-ahli yang berkenaan dalam tempoh terdekat dan menggalakkan bagi respons tersebut diterbitkan di laman sesawang kementerian atau platform bersesuaian masing-masing bagi membolehkan orang ramai mengikut perkembangannya seperti yang dilaksanakan di negara-negara lain.

"Kita berkeadaan dalam dunia yang penuh dengan ketidakpastian. Kuasa-kuasa besar sedang bertikai dan ini menjadikan keadaan masa ini agak rumit. Bumi ini sudah menjadi sesungguhnya kecil. Apa yang terjadi di satu kawasan sudah setentunya akan mempengaruhi kawasan-kawasan walaupun jauh dari segi geografi. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita dalam keadaan aman damai tetapi setentunya tidak terlepas ketempisan keadaan-keadaan ini.



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

"Oleh itu, mungkin juga ada langkah-langkah yang perlu diambil oleh negara untuk mengatasi perkara-perkara ini. Saya berharap setiap apa yang dirancang, walaupun berhadapan dengan ujian, cabaran dan keadaan yang berlaku di dunia, masih ada kesempatan untuk memperbaiki dan meningkatkan keupayaan kita bersama," jelas Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN mengajak sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, kesejahteraan serta kekal karar di atas tampuk pemerintahan Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan berlandaskan iman, hidayah dan petunjuk dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Semoga NBD akan terus dilimpahi rahmat dan perlindungan-Nya, dikurniakan keamanan, kemakmuran dan kestabilan yang berterusan dan semoga seluruh rakyat dan penduduk negara ini sentiasa berada dalam kesejahteraan, perpaduan dan mendapat keberkatan dalam setiap usaha yang dilaksanakan.

"Dengan ini, maka Majlis Mesyuarat Negara ini, kita ditungguhkan ke satu masa yang belum ditetapkan tarikhnya. InsyaaAllah, kita akan berjumpa lagi di Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini," ujar Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Persidangan MMN ditangguhkan setelah 11 hari bersidang

>> Muka 1

Perkara ini ujar Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, adalah merujuk kepada tiga perintah-perintah yang terdapat dalam Kertas MMN Bilangan 1/2026.

Setelah itu, Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri

Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib mempersilakan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyokong cadangan itu.

Usul itu disokong sepenuhnya oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Setelah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, undi untuk usul diluluskan dibukakan dan semua Ahli Yang Berhormat bersetuju akan cadangan ini.

Usul ketetapan bagi perintah-perintah telah diluluskan di bawah Perkara 83, (3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Ugama seterusnya menyatakan mengikut Peraturan Mesyuarat 35 (1), Yang Berhormat memohon dan mencadangkan bahawa Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara sekarang ini ditangguhkan, memandangkan semua Urusan Mesyuarat telah selesai dan seterusnya mencadangkan bagi Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang tidak

ditetapkan.

Setelah itu, Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman mempersilakan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyokong cadangan itu.

Usul itu disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



TANGANI ISU MENGENAI KELAHIRAN ANAK TIDAK SAH TARAF



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Sistem perlindungan bagi anak yang tidak sah taraf yang utama ialah dikategorikan atau diiktiraf sebagai anak yatim mengikut hukum syarak dan mengikut undang-undang yang terpakai di Negara Brunei Darussalam seperti dalam Akta Tabung Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim.

Dengan demikian, ia dapat perlindungan sosial kebajikan yang sewajarnya di mana kalau ia dalam kalangan asnaf zakat, dirinya dan penjaganya atau ibunya, maka ia termasuk sebagai asnaf zakat yang berhak menerima agihan zakat untuk makan, minum, wang saku sekolah bahkan dalam keadaan tertentu di mana anak yatim sedemikian yang maju pendidikannya menerima sumbangan biasiswa sehingga ke

peringkat pengajian tinggi dalam dan luar negeri termasuk dari program yang dinamakan BIBD ALAF selain daripada program agihan zakat.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Pada hari ke-11 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menyatakan dari segi aspek sistem perlindungan keselamatan daripada diabaikan atau dilayan buruk dan penganiayaan pula ada diperuntukkan dalam undang-undang yang berkuatkuasa seperti Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Penggagal 219), Akta Pengangkatan Kanak-kanak dalam Islam (Penggagal 2006).

"Dengan itu, anak tak sah taraf adalah mendapat perlindungan dari segi undang-undang daripada penganiayaan, pengabaian dan dari layanan buruk maka sedemikian itu juga ia mendapat perlindungan berupa jaminan sosial kebajikannya yang ditangani dan disantuni oleh badan-badan sosial kebajikan selain oleh pihak kerajaan seperti JUZWAB dan JAPEM.

"Maka dengan itu memungkinkannya Pehin Yang Di-Pertua terlindung juga daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam dalam soalnya itu terlindung dari stigma masyarakat dan pengabaian," jelas Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat mengongsikan bahawa istilah 'anak tidak sah taraf' digunakan menggantikan 'anak luar nikah', merangkumi tiga kategori utama iaitu Kategori K180 yakni anak lahir kurang 180 hari iaitu ibu bapa bernikah tetapi anak lahir kurang 180 hari setelah pernikahan; Kategori yang kedua ialah dinamakan tidak diperoleh iaitu anak lahir tetapi ibunya tidak berkahwin semasa kelahiran dan Kategori yang ketiga ialah anak laqit iaitu anak yang tidak diketahui ibu bapa disebabkan anak tersebut kena buang, yang orang *kitani* di Brunei menyebut sebagai anak pungut.

Statistik menunjukkan penurunan kes daripada 378 (2019) kepada 230 (2025) serta kes jenayah berkaitan daripada 19 (2023) kepada 10 (2025), jelas Yang Berhormat.

Ujar Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat bersyukur, isu ini sedang ditangani di peringkat nasional dalam Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial MKIS iaitu platform yang melibatkan beberapa buah kementerian dan pihak-pihak agensi yang berkepentingan. Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah menjadi ahli peringkat menteri di sementara peringkat

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

pegawai-pegawai kanan diketuai oleh SUT bagi peringkat jawatankuasa kerja.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat sukacita menyatakan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama lebih melihat keutamaan menangani isu ini bukanlah dengan membuat kajian dan menunggu hasil kajian mengenai punca utamanya.

"Dalam keadaan itulah, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Ugama bertindak untuk membendunginya. Ya, membendunginya supaya tidak menjadi suatu fenomena atau trend biasa dan norma yang lumrah di kalangan melahirkan masyarakat anak luar dengan pernikahan menurut sebagaimana yang disyariatkan dan mengikut sebagaimana yang telah pun diundang-undangkan, undang-undang negara yakni menjadi sebahagian daripada undang-undang yang berkuat kuasa.

"Kerana itu, selain menerusi kegiatan dakwah dan saluran pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama lebih fokus kepada usaha dan meningkatkan kesedaran dengan berbagai program mengukuhkan akidah keimanan dan akhlak moral digandungi dengan usaha usaha pencegahan menurut undang-undang," ujar Yang Berhormat.

Program ini, tambah Yang Berhormat, dilaksanakan secara berhemah dalam format dan

pendekatan yang beraneka sesuai dengan situasi dan kondisi kalangan target audiensnya iaitu: Pertama, dengan program pencegahan dan kesedaran di institusi pendidikan dan komuniti. Pada tahun 2025 sahaja, Program Menangani Jenayah Syariah ini diadakan sebanyak 25 sesi dengan jumlah bilangan peserta dicatatkan seramai lebih 3 ribu iaitu 3,052 orang.

Program ini bertujuan bagi meningkatkan kefahaman dan seterusnya kesedaran bahkan keinsafan jika sudah terlanjur berbuat dosa untuk segera bertaubat memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang memang bersifat Maha Pengampun dengan tekad tidak akan mengulanginya dan seterusnya berazam memperbaiki corak dan cara hidup ke hadapan.

Dalam masa yang sama, program ini juga memperingatkan audiensnya akan implikasi tindakan undang-undang iaitu Undang - undang Jenayah Syariah khasnya atas kesalahan hubungan intim lelaki perempuan di luar pernikahan, terang Yang Berhormat.

Pemantauan dan penguatkuasaan berterusan secara rondaan ataupun operasi penguatkuasaan termasuklah di tempat-tempat dan lokasi berisiko yang digunakan untuk perbuatan tidak bermoral, menyalahi ajaran agama dan berlawanan dengan undang-undang juga dilaksanakan.

Perkahwinan dalam, luar negara perlu dapatkan kebenaran 4PROI

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Menurut Akta Undang-undang Keluarga Islam Penggal 217, warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (NBD) yang hendak berkahwin sama ada di dalam NBD ataupun di luar negara hendaklah terlebih dahulu mendapatkan suatu kebenaran berkahwin daripada Pendaftar

Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam (PPPPROI) atau 4PROI di setiap daerah di mana pemohon lazimnya bermastautin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menekankan demikian semasa menjawab persoalan mengenai keperluan bagi mewajibkan pengesahan status permohonan bagi permohonan nikah oleh ketua kampung serta mekanisme kawalan dan penyelarasan data bagi memastikan keselarasan rekod serta maklumat antara agensi yang diajukan dari Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi

yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Tegas Yang Berhormat lagi, siasatan akan dijalankan ke atas pemohon melalui keterangan-keterangan dokumen yang diberikan dan disertakan dalam Borang 1, iaitu permohonan kebenaran berkahwin bagi lelaki atau Borang 2, iaitu permohonan kebenaran berkahwin bagi perempuan, sebelum sebarang kebenaran dikeluarkan oleh pendaftar 4PROI.

"Antara perkara yang perlu dipastikan dalam siasatan 4PROI adalah mengenal pasti status perkahwinan pemohon sama ada bujang, beristeri atau bercerai, hidup atau mati.

"Bagi membantu siasatan, beberapa dokumen sokongan lazimnya diperlukan untuk disertakan bagi menyokong penjelasan pemohon yang dinyatakan dalam Borang 1, Borang 2 mengikut mana-mana yang berkaitan seperti Sijil Nikah, Sijil Cerai, Sijil Mati, surat pengesahan daripada ketua

kampung mengenai tempat tinggal, permastautinan dan status pemohon dan lain-lain dokumen yang relevan, pengesahan status pemohon daripada ketua kampung adalah merupakan dokumen yang dapat digunakan bagi membantu siasatan 4PROI dan bagi membantu memudahkan proses kebenaran berkahwin dikeluarkan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan bahawa siasatan ini adalah penting bagi memastikan tindakan seterusnya, jika misalnya pemohon masih mempunyai isteri, pemohon akan dinasihatkan untuk terlebih dahulu memohon kebenaran berpoligami kepada Mahkamah Syariah.

Apabila siasatan telah dibuat dan pendaftar 4PROI berpuas hati dengan permohonan dan keterangan - keterangan yang diberikan tambah Yang Berhormat, maka baharulah pendaftar 4PROI boleh mengeluarkan kebenaran untuk pemohon berkahwin.

Apabila siasatan telah dibuat dan pendaftar 4PROI berpuas hati dengan permohonan dan keterangan - keterangan yang diberikan tambah Yang Berhormat, maka baharulah pendaftar 4PROI boleh mengeluarkan kebenaran untuk pemohon berkahwin.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Jelas Yang Berhormat lagi, Bab 16 dari Akta Undang-undang Keluarga Islam Penggal 217 menyatakan, tertakluk kepada Bab 17 pendaftar apabila berpuas hati tentang kesahihan perkara-perkara yang disebut dalam permohonan itu tentang sahnya perkahwinan yang ditidakan itu dan jika lelaki atau sudah berkahwin bahawa kesahihan yang disebutkan dalam Bab 23(3) telah diberi hendaklah setelah bayaran ditetapkan untuk dibayar bagi memberikan kebenaran dalam borang yang ditetapkan kepada pemohon untuk berkahwin.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMASTIKAN GLC DIURUS SECARA PROFESIONAL, TULUS, BERORIENTASIKAN PRESTASI



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan ataupun GLCs di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat-syarikat (Penggali 39) yang mana ianya tidak diterkecuali daripada keperluan untuk mematuhi peraturan-peraturan digariskan di bawah akta tersebut dalam memastikan adanya tadbir urus yang kukuh dan tulus.

Ini khususnya juga dari

segi penyediaan penyataan dan perakuan kewangan, pemfailan berkanun, pengauditan syarikat dan juga urus tadbir lembaga pengarah.

Perkara itu dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah bagi menjawab soalan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin; dan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jelas Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi, sepertimana juga syarikat-syarikat lain, akta tersebut mewajibkan syarikat-syarikat GLCs untuk mematuhi peruntukan-peruntukan undang-undang NBD berkenaan yang lain, iaitu seperti Akta Cukai Pendapatan (Penggali 35), Akta Amanah Pekerja (Penggali 167), Akta Perkerjaan

(Penggali 278) dan Perintah Perlindungan Data Peribadi 2025.

"Dalam memperkukuh tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti syarikat-syarikat GLCs, yang di bawah pemantauan Darussalam Assets pula, beberapa usaha telah dilaksanakan dalam memastikan adanya peringatan pada urus tadbir, proses dan sistem syarikat selaras dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa. Ini termasuk seperti melalui penyediaan garis panduan Darussalam Assets Corporate Governances Code and Corporate Governances Manual bagi memastikan adanya peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah yang jelas serta penggunaan piawai International Financial Reporting Standards (IFRS) dalam proses pengurusan kewangan syarikat yang mana akan dapat menyumbang kepada meningkatkan keyakinan pelabur.

"Selain itu, dari segi pengukuhan fungsi pengurusan sumber manusia dan untuk mewujudkan budaya kerja yang berasaskan prestasi ataupun *performance base culture*, inisiatif - inisiatif seperti pelaksanaan

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

System Enterprise Resource Planning termasuk SAP Human Resource Management System dan SAP Finance," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah, pelaksanaan strategi Pembangunan Modal Insan ataupun Human Capital Development dan Pembangunan Sistem Pengurusan Sumber Manusia, (Human Resource Management System) turut dilaksanakan.

"Seterusnya, berhubung dengan soalan PL024 pula, kaola juga ingin mengongkakan bahawa secara lazimnya pemilihan lembaga pengarah syarikat - syarikat, GLCs khususnya juga yang di bawah pemantauan Darussalam Assets adalah tertakluk kepada tadbir urus Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) sebagai sebahagian daripada portfolio Minister for Finance Corporation," jelas Yang Berhormat.

Kata Yang Berhormat, satu jawatankuasa yang digelar GLCs Nomination Committee telah pun ditubuhkan sebagai penilai bebas untuk membuat penilaian dan

pertimbangan dalam menentukan keahlian lembaga- lembaga pengarah bagi syarikat-syarikat di bawah Minister for Finance Corporation untuk memastikan, pertama, Ahli-ahli Lembaga Pengarah GLCs mempunyai kemahiran, pengalaman dan kepelbagaian yang betul untuk mentadbir syarikat-syarikat GLCs dengan berkesan.

Kedua jelas Yang Berhormat lagi, saiz dan komposisi Lembaga Pengarah adalah sesuai untuk menyokong pengawasan berkesan terhadap objektif strategik dan pengawasan GLCs; dan ketiga, calon yang berkualiti dan sesuai dilantik ke jawatan Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah termasuk Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

"Penilaian prestasi lembaga juga dilaksanakan secara berkala bagi memastikan setiap GLC diurus secara profesional, tulus dan berorientasikan prestasi selaras dengan kepentingan negara dan nilai terbaik kepada kerajaan sebagai pemegang saham," ujar Yang Berhormat lagi.

Projek Pembinaan Bangunan Kompleks OKU menyediakan kemudahan berpusat



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad berkata rancangan Projek Pembinaan Bangunan Kompleks Orang Kelainan Upaya (OKU) telah dimulakan sejak tahun 2011 sebagai inisiatif strategik untuk menyediakan kemudahan berpusat bagi Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) yang mewakili dan menyokong OKU di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Jelas Yang Berhormat sejak itu, beberapa siri perbincangan

dan penyelarasan telah dilaksanakan melibatkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) bagi meneliti aspek perancangan pelan bangunan, keperluan teknikal, keperluan fasiliti, modal operasi serta implikasi kewangan projek.

Yang Berhormat Menteri kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan perkara itu semasa menjawab soalan mengenai status pembinaan bangunan bagi Pusat Orang Kelainan Upaya daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Tambah Yang Berhormat lagi, bagi memperkukuh perancangan pembangunan ini, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, KKBS telah mengadakan beberapa lawatan dan kajian ke luar negara bagi meneliti serta bertukar pandangan mengenai amalan terbaik yang dilaksanakan oleh negara lain.

"Dapatan tersebut dijadikan rujukan dalam rangka reka bentuk yang inklusif, modal operasi,

pengurusan fasiliti serta pendekatan pemeraksanaan komuniti OKU secara bersepadu.

"Apa yang penting kaola tekankan di sini, kita juga memperbelajari *lesson learn* daripada negara-negara lain, mungkin dalam tahun 2011 itu belum ada banyak *lesson learn* tetapi sehingga kini 2025-2026, banyak *lesson learn* yang boleh *kitani* pertimbangkan dan ambil kira.

"Jadi dari sudut tadbir urus, KKBS telah menubuhkan satu projek *team* khusus pada 30 Januari 2024 yang bertanggungjawab dalam meneliti objektif strategik, skop pembangunan, modal pengoperasian serta keberlanjutan jangka panjang

kompleks OKU," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, pasukan tersebut telah mengadakan beberapa siri perbincangan bagi menyediakan laporan, rancangan dan strategi jangka masa panjang yang merangkumi komponen pembangunan fizikal, pengurusan, pembiayaan serta impak sosial yang disasarkan.

Jadi pada dasarnya tambah Yang Berhormat, mana-mana projek kerajaan yang berukuran seperti projek ini memang memerlukan penelitian yang terperinci dan lebih penting lagi melihat kepada kos dan *benefit analysis* dan juga tertakluk kepada perubahan ekosistem pada masa ini. Jadi apa persiapan-persiapan yang pada

tahun 2011 itu sudah setentunya berubah kerana ekosistem yang ada pada masa ini, tidak akan sama dengan ekosistem sewaktu 2011 yang lalu.

KKBS tegas Yang Berhormat, komited untuk memastikan projek ini dilaksanakan dengan perancangan yang teliti, tadbir urus yang berkesan serta kerjasama padu bersama semua pihak berkepentingan agar manfaatnya, *net benefitnya* itu dapat dinikmati secara menyeluruh dan berpanjangan oleh komuniti OKU di NBD.

"Ini selaras dengan matlamat menjadikannya sebagai satu pelaburan sosial yang berimpak tinggi yang memberikan nilai terbaik bagi apa jua perbelanjaan kerajaan ke arah matlamat ini," ujar Yang Berhormat lagi.

TAMBAH Yang Berhormat lagi, bagi memperkukuh perancangan pembangunan ini, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, KKBS telah mengadakan beberapa lawatan dan kajian ke luar negara bagi meneliti serta bertukar pandangan mengenai amalan terbaik yang dilaksanakan oleh negara lain.

"Dapatan tersebut dijadikan rujukan dalam rangka reka bentuk yang inklusif, modal operasi, pengurusan fasiliti serta pendekatan pemeraksanaan komuniti OKU secara bersepadu.

"Apa yang penting kaola tekankan di sini, kita juga memperbelajari *lesson learn* daripada negara-negara lain, mungkin dalam tahun 2011 itu belum ada banyak *lesson learn* tetapi sehingga kini 2025-2026, banyak *lesson learn* yang boleh *kitani* pertimbangkan dan ambil kira".

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PROSES KEWARGANEGARAAN DILAKSANA TELITI, ADIL, MENGIKUT UNDANG-UNDANG



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan bahawa permohonan kewarganegaraan tidak dianggap tidak berjaya, selagi mana

permohonan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Kongsi Yang Berhormat, antara syarat-syarat tersebut memenuhi tempoh bermastautin di negara ini sepertimana yang telah ditetapkan, memenuhi tempoh perkahwinan bagi kategori tertentu, memenuhi tempoh pemegang taraf penduduk tetap, lulus ujian bertulis dan ujian lisan bahasa Melayu serta lulus tapisan keselamatan.

"Selagi syarat-syarat tersebut dipenuhi, permohonan akan terus diproses mengikut prosedur yang ditetapkan. Alhamdulillah, sepanjang tempoh tahun 2022 hingga Mac 2026, sebanyak 7,477 permohonan taraf kerakyatan telah mendapat kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi rakyat baginda sama ada secara penuangan dan pendaftaran," jelas Yang

Berhormat semasa menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat pada hari ke-11 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin.

Daripada jumlah tersebut, tambah Yang Berhormat, tahun 2025 mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 2,979 permohonan yang melebihi purata tahunan bagi tempoh berkenaan.

Menurut Yang Berhormat lagi, secara keseluruhannya, permohonan di bawah Bab 61 iaitu kategori ibu warganegara mencatatkan jumlah tertinggi dengan 3,356 permohonan berbanding kategori-kategori lain.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, kategori di bawah Bab

Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

51 dan Bab 81 iaitu melalui ujian bertulis turut merekodkan jumlah yang signifikan iaitu sebanyak 2,973 permohonan.

"Dari segi proses semasa, beberapa permohonan masih di peringkat penilaian termasuk temu duga, ujian, tapisan keselamatan serta semakan dokumen sokongan. Sebagai contoh, bagi kategori Bab 61 dan Bab 56, yang melibatkan permohonan melalui hubungan kekeluargaan sebanyak 655 permohonan sedang melalui proses penilaian jabatan termasuk temu duga, tapisan serta semakan dokumen.

"Manakala bagi kategori Bab 51 dan Bab 81 yang melibatkan permohonan melalui ujian bertulis dan ujian lisan, sejumlah 1,836 permohonan masih dalam peringkat menunggu keputusan ujian serta proses tapisan yang berkaitan," terang Yang

Berhormat.

Secara keseluruhannya, ujar Yang Berhormat, proses penilaian permohonan kewarganegaraan dilaksanakan secara teliti, berperingkat dan selaras dengan peruntukan undang-undang iaitu Akta Taraf Kebangsaan Brunei Penggal 15 yang berkuat kuasa bagi memastikan setiap permohonan dipertimbangkan secara adil serta memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan.

Terdahulu, jelas Yang Berhormat, sukacita menjelaskan bahawa pada dasarnya tidak ada cabaran utama dalam memproses penilaian permohonan kewarganegaraan memandangkan terma dan syarat adalah jelas, telus dan berlandaskan kepada peraturan dan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi meningkatkan tahap sara diri beras negara



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menyatakan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan terus melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap sara diri beras negara secara berperingkat.

Menjawab kepada soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim pada hari ke-11 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjelaskan berdasarkan perancangan semasa, pengeluaran beras tempatan dijangka meningkat daripada sekitar 2,594 metric ton pada tahun 2025 kepada kira-kira 4 ribu tan menjelang tahun 2030.

Seiring dengan peningkatan ini, tambah Yang Berhormat, kadar sara diri beras negara disasarkan

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

meningkat daripada sekitar 8.5 peratus pada masa ini kepada kira-kira 10 ke 12 peratus dalam masa 5 tahun akan datang.

"Bagi mencapai sasaran ini, kementerian memberi tumpuan kepada beberapa pendekatan utama. Pertama, ialah meningkatkan keluaran hasil padi di kawasan yang tidak mempunyai sistem pengairan dan saliran, that is not irrigated farm, field.

"Setakat ini, pengeluaran fokus peningkatan produktiviti hanya bertumpu kepada kawasan ladang yang mempunyai sistem pengairan. Memandangkan hampir 50 peratus keluasan kawasan padi tidak mempunyai sistem pengairan non-irrigated disebabkan oleh sebab-sebab tertentu seperti jauh sumber air dan juga kawasan yang tidak rata atau berbukit. Usaha untuk meningkatkan hasil keluaran padi juga sekarang ditumpukan kepada kawasan non-irrigated," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, pada masa ini melalui kerjasama dengan beberapa agensi dan institusi luar negara 'trail' menggunakan padi hybrid yang sesuai ditanam di kawasan non-irrigated sedang dilaksanakan.

Kongsi Yang Berhormat, pertama, melalui kerjasama dengan Hunan Hybrid Rice Research Center, HHRRC, Republik Rakyat China yang mana kementerian telah menerima tiga jenis variety hybrid, WDR 101, 102 dan 103 bagi kawasan non-irrigated dan masa ini musim kedua kajian kesesuaian variety akan bermula pada luar musim 2026 ini di Daerah Temburong.

Kedua tambah Yang Berhormat, kerjasama dengan FINC-Singrow, Republik Rakyat China, tiga variety juga sedang dalam kajian kesesuaian bagi Musim Utama 2025/2026 di Daerah Temburong jua dan penuaian dijangka akan dilaksanakan pada April 2026. Ini insyaaAllah ujian kedua akan

dilaksanakan di Luar Musim 2026.

Dan ketiga, ujar Yang Berhormat, kerjasama dengan Syarikat Jia Yuan Agriculture Trading Company, satu variety Yuan 1601 akan memasuki fasa Projek Rintis pada luar musim 2026 ini dengan kawasan seluas 30 hektar di kawasan Tutong, Temburong dan Belait.

"Melalui hasil trail-trail tersebut dijangka akan dapat meningkatkan hasil padi purata produktiviti di kawasan kawasan non-irrigated daripada satu metrik tan sehektar setahun kepada dua ke tiga tan metrik sehektar setahun jika berjaya. Oleh itu, insyaaAllah melalui usaha mengenal pasti variety yang sesuai bagi kawasan non-irrigated keluaran hasil padi boleh dipertingkatkan dan menyumbang kepada peningkatan sara diri dan sekuriti makanan," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan kedua, penggunaan teknologi pertanian moden untuk meningkatkan produktiviti padi. Ini termasuk menggunakan variety padi hasil tinggi seperti padi hybrid Yuan 158 yang baru diperkenalkan yang berpotensi menghasilkan antara lima ke tujuh tan metrik tan semusim bagi irrigated farm kawasan irrigated.

Jika dibandingkan dengan Sembada masa ini 188 yang mana pada masa ini purata pengeluaran hanyalah tiga ke empat metrik tan sehektar. Jelas Yang Berhormat, di samping itu, kajian kesesuaian variety padi baru juga dijalankan melalui kerjasama dengan institut antarabangsa seperti International Research Institute di Manila serta rakan penyelidik dari Republik Rakyat China.

Seperti Yang Berhormat nyatakan dalam Kenyataan Menteri tempoh hari kementerian juga merancang penubuhan Hybrid Rice Research Center bagi memperkukuhkan penyelidikan dan pembangunan variety padi yang lebih sesuai dengan keadaan

tanah dan iklim Negara Brunei Darussalam.

Kementerian turut menggalakkan kerjasama dengan sektor swasta bagi meningkatkan pelaburan dalam teknologi pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran padi tempatan sekali gus memperkukuhkan keseluruhan rantaian nilai industri padi negara, tambah Yang Berhormat.

"Ketiga, ialah usaha untuk memperbaiki kesuburan tanah melalui pendekatan atau cara mampan regenerative agriculture. Tanah yang subur adalah penting kerana variety padi berhasil tinggi tidak akan berupaya menghasilkan mencapai potensi optima jika tanah kurang subur. Antara usaha yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesihatan dan kesuburan tanah adalah dengan menggunakan baja kompos seperti yang dihasilkan daripada sisa ladang seperti tinja ayam, sisa hijau dan juga sisa makanan. Usaha ini dalam masa yang sama juga mendukung circular economy dan mengurangkan impak perubahan iklim," ujar Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat lagi, sejak tahun 2024 sehingga kini kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan kerjasama Wasan Milling Company Sendirian Berhad sedang menjalankan kajian keberkesanan penggunaan pelbagai jenis baja organik keluaran tempatan bagi meningkatkan kesuburan tanah di ladang padi yang masa ini dilaksanakan di Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol seluas 20 hektar.

Dapatan awal tambah Yang Berhormat, yang diperoleh daripada projek ini adalah sangat menggalakkan di mana didapati nilai kemasaman tanah menurun, kesuburan tanah meningkat, hasil pengeluaran padi meningkat.

Keempat terang Yang Berhormat, meningkatkan kecekapan rantaian pengeluaran dan pemprosesan padi.

Kerjasama dengan Wasan Milling Company Sendirian Berhad turut diperkukuhkan melalui penaiktarafan sistem pengurusan lepas tuai, pengisaran dan penyimpanan padi serta penggunaan teknologi pengeringan moden. Langkah ini membantu meningkatkan kualiti beras tempatan serta mengurangkan kehilangan hasil selepas tuai.

Sementara yang kelima, ujar Yang Berhormat ialah memperkukuhkan pembangunan kapasiti ladang termasuk penglibatan generasi belia. Program pembangunan kapasiti terus dilaksanakan di keempat-empat daerah melalui sekolah peladangan pengusaha padi bagi peladang meningkatkan kemahiran dalam menguruskan penanaman padi, penggunaan teknologi serta amalan terbaik bagi pertanian.

"Pendekatan ini juga membuka peluang kepada lebih ramai peladang muda untuk menceburi sektor penanaman padi sebagai bidang usaha yang berpotensi. Dalam masa yang sama, kementerian juga turut mengambil pendekatan yang realistik dalam membekalkan sumber pembekalan beras negara melalui kerjasama serantau termasuk BIMP-EAGA," tekan Yang Berhormat.

Pendekatan ini, tegas Yang Berhormat, penting bagi memastikan keselamatan bekalan beras terus terjamin memandangkan keluasan tanah yang sesuai untuk penanaman padi adalah terhad.

Secara keseluruhannya, tambah Yang Berhormat lagi, pendekatan bersepadu ini bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan secara berperingkat melalui penggunaan teknologi moden, penglibatan sektor swasta, serta penyertaan peladang baharu termasuk golongan belia selaras dengan usaha memperkukuhkan sumber sekuriti makanan negara dalam jangka masa yang panjang.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KEBENARAN UBAH SUAI PERLU DIPEROLEH SEBELUM DILAKSANAKAN

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menyatakan peraturan yang dikuatkuasakan bagi sebarang tambahan atau renovasi bangunan sama ada dalam kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) mahupun di atas tanah persendirian di luar kawasan RPN adalah dikawal di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 dan Akta Bangunan, Penggal 256.

Akta-akta ini tambah Yang Berhormat Menteri Pembangunan, memperuntukkan mana-mana kerja bangunan termasuk tambahan, ubah suai hendaklah terlebih dahulu mendapatkan perancangan daripada kebenaran Autoriti Perancang dan kebenaran bangunan dari Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan.

Dalam perkara ini kongsi Yang Berhormat, antara perkara-perkara yang diterima di Jabatan Kemajuan Perumahan Negara daripada penduduk-penduduk di sekitar RPN ialah

seperti berikut.

"Pertama, tambahan-tambahan yang termasuk ke dalam tanah jiran atau tanah kerajaan; kedua ialah *manhole septic tank* yang ditutupi oleh konkrit setelah tambahan bangunan dibuat dan apabila ada menerima aduan mengenai saluran *septic tank* tersumbat, maka *septic tank* ini haruslah dapat *diunjar*, *kana* tutup sudah.

"Ketiga ialah rumah ataupun tambahan menghadang pemandangan jiran dan putaran angin *terpampam* oleh bangunan yang ditambah dan keempat ialah cucuran air hujan yang tumpah ke rumah orang sebelah," jelas Yang Berhormat semasa menjawab soalan diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin pada hari ke-11 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pembangunan lagi, pihak Jabatan Perancang Bandar dan

Desa telah menyediakan dua garis panduan dan piawaian perancangan khusus bagi kemajuan perumahan. Ini adalah sebagai rujukan untuk pihak *qualified person* dalam persediaan menghadapi kebenaran perancangan bagi membangun bangunan rumah tambahan ataupun rumah baharu, penambahan atau renovasi bangunan.

Garis panduan ini kongsi Yang Berhormat ialah pertama, Garis Panduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Perumahan, manakala kedua ialah Garis Panduan dan Piawaian Perancangan bagi Tambahan dan Ubahsui Perumahan Sedia Ada dalam Skim Perumahan Negara.

"Garis Panduan ini memberikan butiran atau *detail parameter* tertentu untuk dipatuhi seperti jarak anjakan bangunan, *building line*, keluasan tambahan, keluasan akses, keperluan infra serta aspek keselamatan yang mana bertujuan untuk memastikan persekitaran kemajuan yang teratur, harmoni dan selamat bagi menjaga kesejahteraan komuniti yang menyeluruh di kawasan perumahan," terang Yang

Berhormat.

Tegas Yang Berhormat, dalam memastikan proses mendapatkan kebenaran yang teratur dalam masa yang ditetapkan, TPOR, orang ramai adalah diperlukan untuk melantik *qualified person* yang berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan bagi menguruskan penyediaan pelan dan proses permohonan.

Pelantikan *qualified person* ini tekan Yang Berhormat lagi, adalah penting dalam memastikan pelan yang dihadapkan mematuhi kehendak teknikal dan perundangan yang berkuatkuasa bagi mengelakkan ketidakpatuhan atau tindakan penguatkuasaan di kemudian hari.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

Langkah ini dapat membantu memastikan kerja - kerja dilaksanakan dengan selamat dan berkualiti di samping melindungi kepentingan pemilik rumah serta menjaga kesejahteraan dan keharmonian kejiranan, terang Yang Berhormat.

Memperkukuh pembangunan, pemeriksaan wanita di NBD



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Sebagai sebahagian daripada usaha memperluas kefahaman bagi dapatan penyelidikan mengenai pembangunan wanita di Negara Brunei Darussalam (NBD), buku ringkasan eksekutif telah pun dicetak dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan telah pun dilancarkan baru-baru ini pada 12 Mac 2026 sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa (HWA).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad menjelaskan demikian bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai garis masa serta perkembangan semasa dalam usaha membangun Pelan Tindakan Wanita 2026-2030.

"Sebelum itu, diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee kerana

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

telah berkesudian hadir ke Majlis Sambutan HWA tersebut dan seterusnya menerima Buku Ringkasan Eksekutif berkenaan bersama-sama Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak," ucap Yang Berhormat pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya berkata, orang ramai bolehlah memperoleh ringkasan eksekutif tersebut di laman sesawang Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan bahawa ringkasan eksekutif ini merangkumi empat komponen utama, iaitu Latar Belakang Kajian, Bidang-bidang Fokus, Rekomendasi Dasar serta Hala Tuju ke Hadapan. Dapatan dan rekomendasi penyelidikan tersebut telah digunakan oleh Urus Setia Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga Wanita dan Kanak-kanak, untuk menyediakan draf awal Pelan Tindakan Wanita 2026-2030.

"Beberapa tindakan lanjut diperlukan melalui penyelarasan dan perundingan bersama kementerian serta agensi berkepentingan untuk

memperkukuh cadangan. Hala tuju proses akan menggunakan pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* melibatkan sesi libat urus pelbagai pihak bagi pelaksanaan bersepadu, inklusif dan memberi impak yang menyeluruh.

"Sukacita kaola tekankan, sebenarnya peringkat pelaksanaan bersepadu dan inklusif itu adalah satu peringkat yang penting dan kritikal untuk menjayakan apa jua cadangan dan *recommendation* yang dihadapkan hasil dapatan kajian berkenaan," kata Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, pelan tindakan ini nanti akan merangkumi dasar, program dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tersendiri serta mensasarkan pulangan pelaburan jangka tempoh lima tahun selaras dengan Social Blueprint dan Wawasan Brunei 2035.

"Draf akhir akan dilaporkan kepada Majlis Kebangsaan Isu Sosial untuk pengesahan dan dijangka dimuktamadkan serta dilancarkan pada penghujung tahun ini, iaitu 2026 sebagai dokumen strategik yang akan menjadi panduan bagi mengenal pasti dasar-dasar kerajaan dan inisiatif-inisiatif senegara yang perlu diwujudkan ataupun diperbaiki dan ditambah baik bagi memperkukuh pembangunan dan pemerikasaan wanita di NBD," ujar Yang Berhormat lagi.

Pengiktirafan memupuk inspirasi, keyakinan generasi belia

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah menyediakan satu platform khusus melalui Anugerah Hari Belia Kebangsaan bagi memberikan pengiktirafan kepada golongan belia dalam kategori Projek Cemerlang Untuk Belia.

Anugerah ini dikhususkan untuk mengiktiraf usaha inovatif belia yang memberi impak besar kepada masyarakat dan ekonomi negara khususnya dalam bidang keusahawanan termasuk projek yang berkaitan dengan perkhidmatan, sektor perkhidmatan, sektor pendidikan, sektor teknologi termasuklah sektor pertanian dan agrimakanan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad semasa menjawab kepada soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin berkaitan dengan impak dan pencapaian penerima Anugerah Cemerlang Belia perniagaan atau dalam bidang keusahawanan terutamanya kepelbagaian ekonomi negara khususnya dalam sektor pertanian dan agrimakanan.

Oleh kerana skop anugerah ini amat luas, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menambah, kita dapat melihat kepelbagaian inovasi belia. Namun, dalam masa yang sama, kita harus mengakui bahawa penyertaan dan pencapaian dalam bidang pertanian dan agrimakanan masih berada pada tahap yang *relatively* rendah berbanding kluster perniagaan atau perkhidmatan lain.

"Contoh, kejayaan seperti syarikat Fatih Aquaculture dari sektor perikanan yang menerima Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia pada tahun 2023 dan Syarikat Marimin dari sektor pemprosesan makanan yang telah menerima Anugerah Pengusaha Belia pada tahun 2008, adalah segelintir daripada kisah kejayaan, *success stories* yang ada. Sebenarnya banyak lagi *success stories*.

"Sejak tahun berkenaan, *every year*, setiap tahun ada saja didengar *success story* yang keluar mengenai dengan pencapaian belia dalam bidang ini," kongsi Yang Berhormat pada hari ke-11 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jelas Yang Berhormat, walau bagaimanapun, kementerian ini memaklumi terdapat pengiktirafan khusus kepada usahawan dalam sektor pertanian dan agrimakanan melalui Anugerah Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Anugerah ini ujar Yang Berhormat, juga menjadi platform penghargaan kepada pengusaha yang berjaya di samping menyokong usaha negara memperkasa sektor bukan minyak, mencapai keselamatan makanan serta menyumbang kepada agenda pemelbagaian ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Dengan itu, mana-mana anugerah yang diberikan, sama ada ia Anugerah Belia Cemerlang, Anugerah Peladang dan macam-macam lagi anugerah, sememangnya diharapkan untuk memberikan motivasi dan inspirasi kepada semua masyarakat termasuklah belia, terang Yang Berhormat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PENDEKATAN BERSEPADU KUKUHKAN KESELAMATAN KEBAKARAN DI KAMPONG AYER

Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman mengongsikan bahawa Balai Bomba Kampong Ayer, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) sentiasa memastikan tahap kesiapsiagaan berada pada tahap optimum selaras dengan amalan terbaik di negara-negara jiran.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas.

Setiap bot bomba turut dilengkapi dengan sekurang-kurangnya satu pam mudah alih bagi memastikan kesiapsiagaan dalam menangani kebakaran struktur di kawasan berkenaan.

Yang Berhormat seterusnya berkata keseluruhan bagi dua balai yang meliputi Kampong Ayer, kawasan Kampong Ayer aset utama yang tersedia adalah terdiri daripada dua buah jentera, lima buah pam mudah alih, 137 hos dan 22 nozzles.

Perkara tersebut disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada perbahasan hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin, sebagai respons jawapan kepada Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas berkenaan dengan persediaan Balai Bomba Kampong Ayer dari segi bot, keupayaan pemadaman, latihan

kru, masa respons, liputan operasi serta perancangan penambahan aset, penyelenggaraan, keselamatan kru dan koordinasi antara agensi untuk menangani kebakaran di Kampong Ayer.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kecekapan anggotanya yang bertindak dengan pantas memberikan impak positif dalam operasi kecemasan. Dari segi masa tindak balas iaitu Petunjuk Prestasi Utama, KPI JBP menetapkan masa tindak balas tidak melebihi 20 minit termasuk bagi kawasan yang paling jauh di Kampong Ayer.

"Hasil latihan menunjukkan masa tindak balas ke Kampong Sungai Bunga dari Balai Bomba Sungai Kebun iaitu lokasi yang paling jauh adalah sekitar 20 minit. Manakala bagi Kampong Burung Pingai Ayer dari Balai Bomba Pelancaran, Bandar Seri Begawan adalah sekitar 5 minit tertakluk kepada keadaan pasang surut air di Sungai Brunei," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah lagi bahawa JBP turut melaksanakan pendekatan penglibatan komuniti dengan

melatih pemimpin akar umbi serta penduduk Kampong Ayer sebagai First Responder.

"Pendekatan ini bertujuan melengkapkan mereka dengan pengetahuan asas mengenai kecemasan kebakaran serta kemahiran pemadaman api bagi membantu menangani sebarang insiden kebakaran sementara menunggu ketibaan Pasukan Bomba," tambah lagi Yang Berhormat.

"Di samping itu pembekalan peralatan pemadam api seperti hos dan nozzle juga telah dilaksanakan kepada beberapa kawasan termasuk Mukim Saba, Mukim Sungai Kebun, Kampung Bolkoh 'A', Kampung Bolkoh 'B', Kampung Saba dan Kampung Menunggol," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga memaklumkan sebagai langkah tambahan dalam memperkukuhkan keselamatan kebakaran di kawasan tersebut, sebanyak 30 pili bomba juga telah diganti di beberapa lokasi di Kampong Ayer termasuk Kampung Pandai Besi, Kampung Tamoi Hujung, Kampung Setia 'A' dan Kampung Setia 'B' bagi memastikan bekalan air yang



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

mencukupi semasa operasi pemadaman kebakaran.

Yang Berhormat turut memaklumkan bahawa pihak kerajaan juga akan terus menilai keperluan penambahan dari segi penambahan aset, peningkatan keupayaan operasi, penyelenggaraan infrastruktur, keselamatan kebakaran serta pemerksaan program kesedaran dan latihan komuniti bagi memastikan tahap keselamatan dan kawasan Kampong Ayer berada pada tahap yang tinggi.

Memastikan warga emas jalani kehidupan sihat, bermaruah, produktif

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas). Manakala gambar bawah kanan, sekitar persidangan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad ingin mengingatkan kepada semua bahawa dalam ajaran Islam adalah kewajipan seseorang anak untuk berbakti kepada ibu bapa serta memelihara kebajikan mereka.

Selain itu, tambah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, ia juga merupakan amanah moral yang menjadi teras institusi kekeluargaan di Negara Brunei Darussalam.

"Warga emas adalah insan yang telah banyak berkorban dan menyumbang kepada pembangunan keluarga dan

negara. Justeru, mereka sewajarnya dipelihara dengan penuh hormat, kesabaran dan kasih sayang serta diberikan perlindungan yang berterusan oleh ahli keluarga sendiri," ujar Yang Berhormat semasa menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam pada hari ke-11 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, seiring dengan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengambil berat terhadap perlindungan dan kesejahteraan warga emas, khususnya dalam konteks peningkatan jumlah warga emas yang kini mencecah kira-kira 10.8 peratus daripada jumlah penduduk.

Komitmen ini, jelas Yang Berhormat, dizahirkan melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Warga Emas 2023-2030 ataupun 'Successful Ageing' yang menggariskan pendekatan menyeluruh dan bersepadu bagi memastikan warga emas dapat menjalani kehidupan yang sihat, bermaruah dan produktif.

Pelan tindakan ini berpaksikan konsep *successful ageing* serta dilaksanakan melalui pendekatan Whole Of Nation dengan penglibatan pelbagai kementerian dan agensi terang

Yang Berhormat lagi.

"Antara objek utamanya termasuk memperkukuh urus tadbir, mentransformasi masyarakat ke arah penuaan sihat dan inklusif serta memperkukuh perkhidmatan menyeluruh melalui pendekatan bersepadu. Dari sudut perlindungan sosial, kerajaan telah memperkukuh Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya melalui pindaan yang memperkenalkan peruntukan Elaun Penyedia Penjagaan. Peruntukan ini bertujuan untuk menyokong dan mengiktiraf peranan penjaga," kongsi Yang Berhormat.

Langkah ini tambah Yang Berhormat, mencerminkan pendekatan yang bukan sahaja memberi bantuan kewangan, malah ekosistem penjagaan memperkukuh berasaskan

institusi keluarga.

Berhubung cadangan untuk memperkukuhkan perlindungan kerangka undang-undang serta meletakkan liabiliti penjagaan dan kos rawatan ke atas ahli keluarga, jelas Yang Berhormat lagi, perkara ini sudah setentunya akan diteliti secara menyeluruh dengan lebih dalam, selaras dengan objektif satu pelan tindakan warga emas iaitu memperkukuh urus tadbir bagi menggalakkan penuaan sihat dan berjaya.

Terang Yang Berhormat, dalam mempertimbang perkara ini, keseimbangan perlu dicapai antara penguatkuasaan tanggungjawab melalui perundangan dan pengukuhan nilai kekeluargaan secara berhemah, agar tidak menjejaskan keharmonian institusi keluarga.

"Pada masa yang sama, tumpuan semasa adalah memperkukuh kesedaran. Kesedaran dan pendidikan masyarakat mengenai tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa, meningkatkan mekanisme pemantauan kes pengabaian atau penderaan warga emas serta memperluas sokongan komuniti dan perkhidmatan bersepadu.

"Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus meneliti keperluan pengukuhan dari semasa ke semasa bersama agensi-agensi berkepentingan di bawah pendekatan Whole Of Government bagi memastikan kesejahteraan warga emas sentiasa terpelihara dalam suasana yang penuh hormat, penuh *dignity*, maruah, ihsan dan tanggungjawab bersama," ujar Yang Berhormat.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMASTIKAN GARIS PANDUAN DADG 2018 DIPATUHI SECARA MENYELURUH

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Langkah-langkah yang dipraktikkan atau yang dilaksanakan bagi pembangunan khususnya pembinaan bangunan-bangunan baharu supaya lebih inklusif dan selamat



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

dan boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat mengikut keperluan termasuk individu yang mempunyai keperluan berbeza atau *persons with different abilities*.

Sememangnya pelaksanaan ini dibuat dengan mekanisme bagi memastikan garis panduan Different Abilities Design Guideline, iaitu DADG 2018 dipatuhi secara menyeluruh.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid mengongsikan perkara itu semasa menjawab soalan mengenai dengan pelaksanaan DADG 2018 di negara ini yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi

yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan lagi, pertama, ialah bagi pembinaan bangunan baharu, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan, iaitu ABCi, juga mengadakan keperluan mandatori, iaitu pematuan terhadap reka bentuk inklusif dalam proses kelulusan pelan dan kesiapan bangunan - bangunan baharu komersial yang dihadapi oleh *qualified person* yang dilantik oleh pemaju.

"Perkara ini berkuat kuasa mulai daripada 1 September 2024. Ini termasuk penyediaan kemudahan seperti laluan akses tanpa halangan, tandas mesra pengguna, laluan *ramp*, kemudahan *parking* khas serta kemudahan navigasi yang sesuai.

"Dengan keperluan ini, setiap permohonan kemajuan dianggap sebagai tidak lengkap jika laporan mengenai penyediaan keperluan

aksesibiliti ini tidak disertakan oleh *qualified person*.

"Kedua, bagi bangunan-bangunan yang sedia ada, Kementerian mengambil inisiatif, melalui agensi-agensi yang berkaitan bagi menggalakkan pelaksanaan kerja-kerja penaiktarafan secara berperingkat agar kemudahan bangunan lebih mesra pengguna kepada golongan kelainan upaya khususnya di bangunan awam dan kemudahan yang sering digunakan oleh orang ramai," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah, ketiga, dari segi penguatkuasaan dan pemantauan, kementerannya akan terus meningkatkan usaha kesedaran dan pematuan industri terhadap garis panduan ini melalui sesi taklimat teknikal, panduan reka bentuk serta kerjasama dengan pihak profesional dalam industri pembinaan.

"Selain itu, Kementerian ini juga sedang meneliti langkah-



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

langkah bagi memperbaiki lagi pelaksanaan DADG 2018 ini secara lebih sistematik, ini termasuk penyelarasan dengan piawaian perancangan dan kawalan pembangunan supaya reka bentuk inklusif dapat diterapkan secara lebih konsisten dalam pembangunan bagi bangunan-bangunan baharu di masa hadapan," ujar Yang Berhormat lagi.

Agripreneur muda inovatif perkukuh keterjaminan makanan, ekonomi negara

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) sememangnya mengambil perhatian serius terhadap isu kelangsungan pengusaha pertanian khususnya apabila sebahagian pengusaha sedia ada semakin berusia dan penglibatan generasi pelapis masih terhad.

Menurut Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, setakat ini jumlah pengusaha yang berkecimpung dalam industri pertanian perikanan adalah sebanyak lebih kurang 7,000 pengusaha, lebih kurang 100 pengusaha dari keseluruhan jumlah tersebut adalah golongan dari belia.

"Isu ini bukan sahaja melibatkan kesinambungan perusahaan tetapi juga berkait rapat dengan risiko kehilangan kapasiti pengeluaran tempatan sekiranya tidak ditangani dengan lebih teratur," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menjawab soalan yang ditanyakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Sehubungan itu, kongsi Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan, pendekatan kementerian adalah berlandaskan kepada beberapa strategi utama.

Pertama, ujar Yang Berhormat, ialah memperkukuhkan ekosistem sokongan bagi memudahkan cara kemasukan pengusaha baharu. Kementerian menyediakan peluang kepada belia dan graduan yang berminat melalui penawaran tapak pertanian di bawah inisiatif Projek Rintis dan seterusnya projek pembesaran tapak di samping bekerjasama dengan institusi kewangan bagi menyediakan kemudahan pembiayaan yang lebih mesra kepada pengusaha muda. Dengan adanya penawaran Projek Rintis ini proses untuk mendapatkan tapak pertanian bagi pengusaha baharu adalah cepat dan mudah. Lazimnya, tapak yang ditawarkan adalah sekurang-kurangnya dua hektar tertakluk kepada jenis komidi yang akan diusahakan.

Tambah Yang Berhormat, kedua, ialah meningkatkan daya tarikan sektor pertanian melalui penerapan teknologi moden. Penggunaan pendekatan pertanian pintar (*smart farming*) seperti hidroponik, penggunaan *vertical* sistem fertigasi, *farming* serta teknologi dron dan automasi membantu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh yang berat di samping meningkatkan produktiviti ladang.

Ini jelas Yang Berhormat, termasuklah penggunaan sistem 'fidlot' bagi pengusaha ternakan lembu yang diguna pakai oleh Syarikat PDS Abattoir Sendirian

Berhad di Batang Mitus, sistem reban tertutup dan bertingkat dalam perusahaan ternakan ayam oleh Syarikat Riza Fudhlana Farming, Ideal Multifeed Farm (B) Sendirian Berhad, Golden Chick Livestock Farm Sendirian Berhad, Soon Lee Farm and Trading Company Sendirian Berhad, Maya Breeder Farm; *vertical farming* oleh Syarikat RZ Prisma Enterprise; *smart farming control environment* oleh Syarikat Infinity, rumah terlindung oleh Syarikat Perusahaan Zaias, Gropoint Sendirian Berhad dan lain-lain dan penyemburan racun penggunaan dron yang diguna pakai oleh Innovaero Sdn. Bhd.

Pendekatan ini tambah Yang Berhormat lagi, menjadikan sektor pertanian lebih menarik kepada generasi muda yang celik teknologi serta berpotensi meningkatkan kapasiti pengeluaran secara lebih efisien untuk memenuhi keperluan tempatan dan pasaran eksport.

Sementara itu, ketiga, jelas Yang Berhormat, memastikan kelangsungan operasi ladang melalui pendekatan Succession Planning. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan turut memudah cara proses pemindahan kebenaran menduduki tapak kepada waris atau pengusaha baharu untuk memastikan operasi ladang tidak terhenti apabila pengusaha tidak lagi dapat meneruskan aktiviti mereka.

"Pendekatan ini membantu memastikan kapasiti pengeluaran sedia ada dapat dikekalkan secara berterusan. Dasar yang diwujudkan bagi memudah cara pengambilan alih syarikat daripada ibu bapa kepada anak

atau waris yang masih hidup telah memberi manfaat dalam memastikan kesinambungan pengurusan serta operasi perniagaan keluarga dapat diteruskan dengan teratur.

"Melalui pelaksanaan dasar ini proses peralihan pemilikan menjadi lebih jelas dan sistematik terus sekali gus menggalakkan generasi seterusnya untuk meneruskan legasi pertanian perniagaan yang telah dibangunkan," kongsi Yang Berhormat.

Sehingga kini tambah Yang Berhormat lagi, sekurangnya terdapat dua syarikat pengusaha yang diasaskan oleh ibu bapa telah berjaya diambil alih dan diurus oleh anak-anak mereka membuktikan bahawa dasar ini berkesan dalam menyokong kelangsungan perniagaan keluarga serta pembangunan sektor perusahaan secara berterusan.

Manakala keempat ujar Yang Berhormat, membangunkan generasi agripreneur melalui program kursus belia. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk Program Belia Bertani yang merupakan kerjasama di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Agrimakanan UNISSA dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, sebagai inkubator bagi belia untuk memulakan dan mengumpulkan dana dan mengembangkan tapak pertambahan dan juga Program Pendedahan Belia yang memberi peluang kepada graduan dan belia untuk menceburi sektor pertanian sebagai kerjaya.

Melalui Program Pendedahan Belia ini, terang Yang Berhormat, peserta dibimbing oleh pakar daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan institusi

pengajian tinggi dan didedahkan kepada operasi dan juga pengurusan ladang sebenar, pengurusan kewangan dan serta tadbir urus perniagaan yang kukuh.

Kongsi Yang Berhormat, setakat ini, sebanyak 185 belia telah ikut serta dalam Program Pendedahan Belia yang telah dibuka pada tahun 2018. Program Pendedahan Belia kali ke-11 insyaaAllah akan dimulakan pada 1 Jun hingga 20 Jun pada 2026 ini.

"Melalui pendekatan bersepadu ini, kementerian yakin bahawa proses peralihan generasi dalam sektor pertanian dapat dilaksanakan secara berperingkat dan terancang sekali gus mengurangkan kehilangan kapasiti risiko pengeluaran tempatan.

"Dalam jangka panjang, usaha ini juga diharapkan dapat melahirkan lebih banyak agripreneur muda yang lebih inovatif memperkukuhkan seterusnya keterjaminan makanan negara serta memacu pada pembangunan sektor pertanian sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara," ujar Yang Berhormat.

Selain daripada usaha-usaha yang diambil oleh kementerian, jelas Yang Berhormat, pengusaha-pengusaha yang ada pada masa ini juga memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat anak-anak mereka untuk meneruskan usaha berkecimpung dalam bidang pertanian, perikanan dan agrimakanan.

Ini tambahnya adalah memandangkan pengusaha sendiri adalah sumber inspirasi dan motivasi yang penting dalam minat anak-anak mereka dan sebagai mentor yang efektif.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPERKUKUH PENGURUSAN BENCANA NEGARA MELALUI INISIATIF STRATEGIK

Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Mac. - Pada masa kini ancaman perubahan iklim kini menjadi antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan risiko bencana di peringkat global dan juga domestik.

Perkara tersebut disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman pada perbahasan hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin, bagi menjawab soalan Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong berkenaan perkembangan terkini dalam pengurusan bencana negara mengambil kira cabaran perubahan iklim yang sentiasa berubah dan peningkatan kekerapan bencana alam.

Menurut Yang Berhormat

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, penghargaan juga diberikan kepada semua pihak yang terlibat daripada pemimpin akar umbi sebagai Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Daerah atas sumbangan membantu kejadian bencana dan menyelaraskan bantuan kecemasan serta memastikan kesiapsiagaan komuniti sentiasa berada pada tahap yang baik.

"Alhamdulillah, setakat bulan Februari 2026 sebanyak 16 buah jalan telah siap sepenuhnya. Manakala enam buah lagi jalan sedang dalam pelaksanaan iaitu Jalan Singap, Jalan Gadong di Daerah Belait dan Jalan Panchong Kuala Ungar, Jalan Kuala Ungar Benutan, Jalan Kerancing Benutan dan Jalan Belaban di Daerah Tutong masih dalam fasa pelaksanaan dan dijangka siap pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, bagi memastikan kesiapsiagaan negara terhadap insiden di luar jangkaan, Pusat Pengurusan

Bencana Kebangsaan (NDMC) sedang dalam fasa pengemaskinian Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi gegaran gempa bumi dan tsunami dengan kerjasama teknikal daripada Pusat Seismik Kebangsaan Brunei dan Kementerian Pembangunan.

Jelas Yang Berhormat lagi, misi pihak NDMC untuk membina masyarakat yang berdaya tahan terhadap bencana, NDMC juga terus memperkukuh program pembangunan kapasiti serta Latihan simulasi bencana dalam kalangan komuniti melalui dua inisiatif utama iaitu Community-Based Disaster Management CBDRM dan School Based Disaster Management.

"Dalam masa yang sama, Negara Brunei Darussalam (NBD) juga telah dipilih sebagai Negara Rintis bagi Projek CDBRM ICT di bawah platform mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana AMMDM dengan kerjasama strategik daripada Kerajaan Jepun di mana NBD

telah menjadi ahli ke-33 kepada Pusat pengurusan Bencana ASEAN iaitu ASEAN Disaster Reduction Center ADRC pada 1 Mei 2024," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, pihak kerajaan juga dalam proses untuk menubuhkan Urban Search and Rescue (USAR) kebangsaan dikenali sebagai Satria Special Rescue Assistance yang akan mematuhi sistem klasifikasi International Search and Rescue Advisory Group, INSARAG menjelang tahun 2028-2030.

"Dalam menghadapi cabaran perubahan iklim yang semakin ketara, pengurusan bencana negara kini turut memberi penekanan kepada pendekatan pengurangan risiko bencana secara proaktif iaitu Disaster Risk Reduction dan adaptasi perubahan iklim selaras dengan kerangka antarabangsa seperti Sendai Framework for Disaster Reduction 2015-2030," tambah Yang Berhormat.

Akhirnya, Yang Berhormat merumuskan, melalui pendekatan yang bersepadu ini pihak



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan NDMC akan terus komited untuk memperkukuh sistem pengurusan bencana negara bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

KKBS terus komited memperkukuh kerjasama dengan persatuan, NGO

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menyeru agar persatuan dan organisasi yang terlibat akan terus memperkukuh peranan masing-masing melalui usaha yang proaktif serta memberikan kerjasama yang erat bukan sahaja dengan kementerian ini malah dengan agensi-agensinya kerajaan yang lain.

Ini adalah kerana usaha membangun masyarakat tidak dapat digalas oleh kerajaan semata-mata tetapi memerlukan penyertaan aktif semua pihak. Melalui sinergi yang berterusan antara kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan rakan strategik yang lain, setiap inisiatif akan dapat dilaksanakan secara kolektif dan saling melengkapi demi memastikan kesejahteraan masyarakat terus

diperkukuh selaras dengan aspirasi negara dengan memastikan tiada yang tercicir atau *no one left behind*.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad menyeru perkara itu ketika menjawab soalan mengenai usaha Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dalam meneraju dan menyelaraskan persatuan dan organisasi wanita di bawah satu hab yang berpusat yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, KKBS, khususnya melalui JAPEM selaku salah satu agensi fokus dalam menangani kesejahteraan masyarakat sememangnya memberikan sokongan yang berterusan kepada pelbagai NGOs yang berkecimpung dalam bidang kebajikan dan kemasyarakatan termasuklah persatuan dan organisasi wanita.

Sokongan ini jelas Yang Berhormat lagi, dilaksanakan melalui pelbagai mekanisme seperti penganjuran sesi dialog dan libat urus, penyaluran bantuan kepada NGO yang berkelayakan serta penyediaan kemudahan dan bantuan pembayaran utiliti

bagi menyokong pelaksanaan program-program kebajikan dan kemasyarakatan mereka.

"Pendekatan ini sebenarnya bertujuan untuk memperkukuh kerjasama strategik antara kerajaan dan masyarakat sivil di samping memastikan usaha yang dilaksanakan dapat diselaras dengan lebih baik serta mengelakkan keadaan di mana agensi atau organisasi bergerak secara berasingan, bertindih fungsi atau kurang koordinasi.

"Selain itu, kementerian juga secara berterusan melibatkan persatuan dan organisasi berkepentingan dalam proses perbincangan dan pembangunan dasar kerajaan. Pendekatan ini juga mencerminkan komitmen kerajaan terhadap prinsip atau pendekatan Whole of Nation di mana pembangunan negara dilaksanakan secara kolektif dan inklusif dengan penyertaan pelbagai pihak.

"Sehubungan itu, wakil-wakil persatuan turut dilantik sebagai ahli dalam pelbagai jawatankuasa kebangsaan dan platform perundingan yang relevan tertakluk kepada kesesuaian peranan dan kepakaran masing-masing," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, antara bentuk penglibatan tersebut termasuklah penyertaan dalam perundingan bagi pembentukan garis panduan kebangsaan, lantikan sebagai ahli jawatankuasa kebangsaan serta penglibatan dalam penganjuran acara-acara kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

Dalam konteks pemerksaan

wanita khususnya tambah Yang Berhormat lagi, kementerian berpandangan bahawa pendekatan Whole of Nation adalah amat penting bagi memastikan agenda pembangunan wanita dilaksanakan secara menyeluruh, inklusif dan secara bersepadu. Usaha untuk meletakkan semua persatuan wanita di bawah satu hab berpusat bukanlah sebenarnya merupakan satu intervensi yang bersifat segera atau mendesak ataupun diberi keutamaan.

Sebaliknya kata Yang Berhormat, keutamaan adalah untuk memperkukuh struktur dan mekanisme kerjasama yang sedia ada bagi meningkatkan koordinasi, mengoptimalkan penggunaan sumber serta mengelakkan pertindihan inisiatif. Selaras dengan pendekatan tersebut, tumpuan diberikan kepada usaha memperkemas penyelarasan di peringkat institusi dan memperkukuh kerjasama antara pihak-pihak berkepentingan.

Dalam hal ini ujar Yang Berhormat lagi, peranan kepimpinan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam sebagai peneraju utama dalam menyelaraskan usaha-usaha berkaitan wanita hendaklah terus diperkasakan tanpa perlu mewujudkan satu struktur baharu yang terasing daripada ekosistem kerjasama yang sedia ada.

Bagi memastikan pelaksanaan inisiatif yang lebih terarah dan berimpak kata Yang Berhormat, kerjasama antara agensi kerajaan dan NGO turut diperkukuh melalui pelbagai platform penyelarasan

termasuk jawatankuasa-jawatankuasa khas di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial. Antaranya ialah Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, Jawatankuasa Khas Warga Emas dan Orang Kelainan Upaya serta Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan.

"Mekanisme ini sebenarnya membantu meningkatkan kecekapan tadbir urus, memperjelas peranan setiap pihak serta memastikan setiap inisiatif benar-benar memenuhi keperluan kumpulan sasaran tanpa ada yang tercicir.

"Kaola ingin menarik perhatian terhadap bagaimana persatuan - persatuan lain mengatasi *institutional fragmentation* masing-masing. Sebagai contoh, aplikasi Mengalinga, iaitu sebuah *platform virtual hub* yang telah disediakan untuk menyelaraskan dan menyatupadukan projek dan aktiviti persatuan dengan lebih terarah, meluas dan berimpak tinggi.

"Dengan itu, perkara ini boleh dijadikan sebagai contoh kepada persatuan-persatuan lain untuk meneraju dan menyelaraskan di bawah satu hab *virtual* yang berpusat.

"Kementerian akan terus komited dalam memperkukuh kerjasama dengan persatuan dan NGO sebagai rakan pembangunan sosial negara. Pendekatan kolaboratif ini amat penting bagi memastikan sumber dan inisiatif dapat dioptimumkan dan di samping mengurangkan pertindihan program serta memperluas impak kepada masyarakat," ujar Yang Berhormat lagi.

DOA KESYUKURAN JUBLI PERAK MAHKAMAH SYARIAH



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan. Turut hadir, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie (atas kanan). Manakala gambar atas, sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah-mahkamah Syariah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara,

Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Doa Selamat sempena Sambutan

Jubli Perak 25 Tahun Penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, baru-baru ini. Majlis tersebut diadakan



sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala sempena genapnya 25 tahun penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah sepanjang tempoh tersebut, Mahkamah-mahkamah Syariah, telah memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan sistem kehakiman Syariah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Awang Haji Besar; Timbalan-timbalan Menteri

dan jemputan-jemputan khas serta pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Jabatan Kehakiman Negara, JPM.

Antara pengisian majlis ialah bacaan Surah Yaa Siin dan bacaan Doa Khas sempena sambutan Jubli Perak 25 Tahun Penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah yang dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Haji Ali-Bolkiah bin Haji Md. Diah, diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar secara berjemaah.

Majlis ini diharap akan menjadi pemangkin untuk terus memperkukuhkan komitmen Mahkamah-mahkamah Syariah dalam memberikan perkhidmatan kehakiman syariah yang cekap, telus dan berintegriti, selaras dengan aspirasi NBD sebagai sebuah Negara Zikir.

Laluan alternatif disaran bagi tingkatkan keselamatan penunggang basikal

>> Muka 1

Perkara tersebut ditekankan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar pada Sidang Media Mengenai Kawalan Keselamatan Pengguna Basikal di Jalan Raya daripada MKKJR yang berlangsung di Bilik Cemerlang, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, di sini.

Awang Haji Mohammad Salihin seterusnya menggariskan, dari statistik kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa khususnya bagi penunggang-penunggang basikal semenjak lima tahun kebelakangan adalah seramai enam orang, ini tidak termasuk mereka-mereka yang mengalami kecederaan serius yang memberi kesan kepada kehidupan individu dan keluarga. Perkara ini tegasnya, amatlah membimbangkan dan memerlukan tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi mengelakkan perkara-perkara seperti ini berlaku.

"Dalam hubungan ini, tidak juga dapat dinafikan bahawa pemandu-pemandu kenderaan memainkan peranan penting untuk menjamin keselamatan setiap pengguna jalan raya. Langkah - langkah untuk memperketatkan lagi hukuman-hukuman bagi kesalahan memandu secara berbahaya dan mengakibatkan kematian juga akan dilaksanakan. Ini termasuk jua kesalahan - kesalahan memandu tanpa lesen memandu dan lesen kenderaan serta insurans yang sah," ujarnya lagi.

Menurutnya, tujuan Sidang Media diadakan pada pagi ini

adalah untuk mengongsikan butiran lanjut tentang cadangan laluan-laluan alternatif bagi penunggang-penunggang basikal terutama sekali kepada *sport cyclists*. Cadangan laluan alternatif ini mengambil kira konsep *share the road* bagi semua pengguna jalan raya.

Dalam hubungan ini katanya, pihak majlis ingin memaklumkan mengenai dengan cadangan larangan berbasikal yang melibatkan laluan-laluan jalan raya yang mempunyai had laju lebih daripada 65km/jam yakni jalan-jalan yang mempunyai had kelajuan 70km/jam, 80km/jam dan 100km/jam.

Laluan-laluan jalan raya ini jelasnya, adalah Lebuhraya Sultan Hassanali Bolkiah; Lebuhraya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah; Lebuhraya Muara-Tutong; Lebuhraya Tutong-Telisai; Lebuhraya Telisai-Lumut; Lebuhraya Lumut-Belait; Lebuhraya Rimba; Lebuhraya Tungku; dan Lebuhraya Tungku Jerudong.

Terangnya, laluan-laluan jalan raya ini telah dikenal pasti dan dikategorikan sebagai laluan berisiko tinggi kepada penunggang-penunggang basikal, dan ia juga telah mengambil kira akan amalan terbaik di negara-negara lain yang mengehadkan aktiviti berbasikal di laluan berkelajuan tinggi bagi memastikan keselamatan semua pengguna jalan raya.

Dalam pada itu, tambahnya, mana-mana acara dan kegiatan sukan berbasikal yang perlu menggunakan laluan-laluan tersebut boleh dipertimbangkan dan perlu menyediakan langkah-langkah keselamatan yang lengkap dan sesuai.

Mana-mana acara dan kegiatan

sukan berbasikal ini menurutnya, perlu mendapat sokongan daripada badan-badan sukan yang diiktiraf dan permohonan dihadapkan bagi pertimbangan MKKJR.

Buat ketika ini dan sebagai tindakan jangka masa pendek katanya, laluan-laluan alternatif aktiviti berbasikal yang diperkenalkan di empat-empat daerah dan ini adalah sebagai langkah ke hadapan serta bagi menyokong gaya hidup sihat melalui aktiviti berbasikal.

Tambahnya, laluan-laluan yang telah dikenal pasti tersebut akan disusuli dengan pelaksanaan pemasangan tanda-tanda jalan raya (*road signage and marking*).

Beliau seterusnya menekankan, semua pengguna jalan raya khususnya pemandu-pemandu kenderaan jalan raya perlu menghormati tanda-tanda jalan raya dan peraturan-peraturan jalan raya terutamanya mengenai dengan pematuhan had laju jalan raya.

Bagi jangka masa panjang menurutnya lagi, pihak majlis akan merangka piawaian laluan-laluan jalan raya yang sesuai untuk berbasikal dan ini melibatkan perbincangan dan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Kerja Raya dan Persatuan Berbasikal Negara Brunei (BDCF).

Jelasnya lagi, ini juga termasuk perbincangan bagi mengatasi keterbatasan dari segi peruntukan *road reserve* terutama sekali untuk pelaksanaan laluan basikal.

"Sebagai nasihat kepada penunggang-penunggang basikal, sukacita disarankan agar garis pandu untuk menunggang basikal hendaklah sentiasa dipatuhi



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi pada Sidang Media Mengenai Kawalan Keselamatan Pengguna Basikal di Jalan Raya daripada MKKJR.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

sebelum dan semasa berada di jalan raya," ujarnya lagi.

Menurutnya, antara garis panduan dan amalan terbaik adalah seperti merancang laluan yang akan digunakan, memastikan keadaan tayar dan tekanan (*pressure*) tayar dalam keadaan baik, memastikan brek tayar berfungsi dengan baik, memastikan lampu-lampu yang bersesuaian untuk digunakan pada siang hari dan pada waktu malam, memakai helmet yang diiktiraf oleh piawaian antarabangsa, memakai pakaian yang berwarna terang (*visible bright colour*) dan memastikan keadaan cuaca yang baik, dan lain-lain.

"Semua pengguna jalan raya disarankan untuk menghormati larangan-larangan dan nasihat-nasihat ini bagi sama-sama menyokong hasrat semua yang menghendaki jalan raya adalah selamat bagi setiap pengguna. Amalan ini selari dengan Maqasid Syariah yang menekankan pemeliharaan nyawa, akal dan harta benda kerana

keselamatan di jalan raya mencerminkan tanggungjawab setiap individu dalam menjaga kesejahteraan diri dan masyarakat," jelasnya lagi. Orang ramai yang ingin menyalurkan sebarang cadangan dan pandangan kepada pihak MKKJR bolehlah menghantar melalui e-mel MKKJR mkkjr@mtic.gov.bn ataupun pihak Persatuan Basikal Negara Brunei Darussalam (BDCF) bdcf.bn@gmail.com. Turut hadir semasa sidang media tersebut ialah Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad; Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas, Pasukan Polis Diraja Brunei, Penguasa Kanan Pang Teck Ann; Pemangku Pengarah Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya, Ir. Awang Haji Mat Darus bin Haji Abu Bakar; dan Presiden BDCF, Awang Haji Harith bin Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Abdul Aziz.

Transformasi digital bentuk cara penyampaian perkhidmatan kesihatan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar telah menghadiri Persidangan Tahunan Forum Zhongguancun 2026 (The 2026 ZGC Forum Annual Conference) yang telah berlangsung pada 25 sehingga 29 Mac 2026 di Zhongguancun International Innovation Center, Beijing, Republik Rakyat China.

Persidangan Tahunan Forum Zhongguancun 2026 bertemakan 'Integrasi Menyeluruh Antara Inovasi Teknologi dan Industri' tersebut telah dirasmikan oleh Naib Premier Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Ding Xuexiang.

Ia merupakan acara antarabangsa global, komprehensif, terbuka dan bertaraf tinggi yang dikelolakan bersama oleh Kerajaan Perbandaran Beijing (Beijing Municipal Government), bersama-sama dengan pelbagai kementerian daripada Majlis Wilayah Republik Rakyat China (the State Council of China) dan juga akademi-akademi kebangsaan tertinggi dengan misi untuk meningkatkan inovasi global dalam sains dan teknologi.

Antara lain, persidangan berkenaan telah menampilkan forum-forum peringkat tinggi, siaran pencapaian inovasi utama, Pameran Perdagangan Teknologi Antarabangsa ZGC serta pertukaran kerjasama teknologi dengan memberi tumpuan kepada trend canggih dan topik hangat dalam sains dan teknologi di seluruh dunia dengan dihadiri oleh saintis, inovator dan usahawan global terkemuka bagi membincangkan perkembangan terkini dalam sains dan teknologi serta hala tuju inovasi global.

Pada sesi forum World Digital Forum 2026 sempena Zhongguancun Forum 2026 yang memberi tumpuan kepada

kemajuan besar dalam Kecerdasan Buatan (AI) perubatan, *life and health big data*, teknologi diagnostik dan terapeutik pintar serta pencegahan dan kawalan penyakit utama, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah diberikan penghormatan untuk menyampaikan ucapan yang menumpukan kepada integrasi digital dan AI dalam pembangunan ekosistem kesihatan masa hadapan.

Dalam ucapan Yang Berhormat menyatakan bahawa transformasi digital dan penggunaan AI telah mula membentuk semula cara penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, pelaksanaan kaji selidik serta tadbir urus kesihatan awam, dan seterusnya mengiktiraf kemajuan pesat Republik Rakyat China dalam kesihatan digital, khususnya dalam penggunaan AI dalam diagnostik, sokongan keputusan klinikal dan pengurusan data kesihatan sebagai contoh yang boleh dipelajari oleh komuniti global.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam (NBD), dengan peningkatan prevalen penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, penyakit kardiovaskular dan obesiti yang memerlukan penjagaan jangka panjang, pengesanan dan pencegahan awal, perubahan tingkah laku dan sumber kesihatan yang berterusan, transformasi digital dan penggunaan AI merupakan keperluan praktikal dalam meningkatkan kecekapan sistem kesihatan.

Ia akan dapat menyokong profesional kesihatan dengan mengurangkan beban pentadbiran, meningkatkan kualiti dokumentasi serta menyokong keputusan klinikal. Manakala, pada peringkat sistem pula, penganalisaan data boleh memberikan gambaran lebih jelas terhadap trend kesihatan penduduk dan dapat memberi panduan kepada intervensi dasar

yang lebih efektif.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya mengongsikan mengenai aplikasi BruHealth yang diperkenalkan semasa pandemik COVID-19 telah berkembang menjadi platform kesihatan digital kebangsaan yang meningkatkan akses kepada perkhidmatan, penglibatan rakyat serta pengurusan maklumat kesihatan secara bersepadu.

Platform digital BruHealth kini menjadi asas penting bagi pembangunan keupayaan AI, termasuk dalam analitik ramalan jangka panjang dan pengurusan kesihatan penduduk.

Yang Berhormat turut menegaskan kepentingan memastikan aspek kepercayaan, tadbir urus dan keselamatan pesakit sentiasa menjadi keutamaan dalam pelaksanaan teknologi Kesihatan.

Di samping itu, Yang Berhormat juga menekankan kepentingan kerjasama antarabangsa, khususnya dengan institusi dan rakan teknologi kesihatan dari Republik Rakyat China, dalam bidang tadbir urus AI, interoperabiliti data serta penyelidikan dan menyatakan komitmen NBD untuk bekerjasama dengan rakan global dalam membangunkan sistem kesihatan yang lebih berdaya tahan, saksama dan mampan.

Semasa berada di Beijing, Republik Rakyat China, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah berkesempatan mengadakan kunjungan-kunjungan hormat kepada Menteri Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan, Yang Berhormat Dr. Lei Haichao dan Datuk Bandar Beijing, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Yin Yong, bagi membincangkan kepentingan bersama dan menerokai hubungan kerjasama khususnya dalam bidang inovasi digital dan teknologi kesihatan, serta dalam bidang penyelidikan dan program pertukaran dan latihan profesional kesihatan.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan, Yang Berhormat Dr. Lei Haichao.

Di samping itu, Yang Berhormat juga merakamkan penghargaan kepada pihak Kerajaan Perbandaran Beijing yang telah menjemput delegasi NBD untuk menghadiri Persidangan Tahunan Forum ZGC 2026 dan mengalu-alukan pertukaran maklumat dan pengukuhan kerjasama dua hala.

Yang Berhormat juga telah membuat perjumpaan dua hala bersama Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Yang Berhormat Budi Gunadi Sadikin, bagi membincangkan dan bertukar pandangan mengenai perkembangan sektor kesihatan serta memperkukuh hubungan sedia ada melalui aktiviti bersama dan persetujuan bagi penandatanganan pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam beberapa bidang kesihatan.

Semasa tempoh berada di Beijing, delegasi NBD telah berkesempatan mengadakan program lawatan kerja kepada beberapa institusi kesihatan yang diiktiraf antara terbaik di Republik Rakyat China dan cemerlang di

peringkat antarabangsa termasuk Peking Union Medical College Hotel, Beijing Cancer Hospital dan Tsinghua Changgung Hospital serta melawat tempat-tempat berkepentingan termasuk YiduTech, BGI dan ByteDance bagi memudahcara pertukaran pengalaman berkaitan penjagaan Kesihatan AI (AI-enabled healthcare), pembangunan digital kesihatan dan tadbir urus kesihatan.

Dengan kehadiran delegasi NBD pada forum, perjumpaan serta lawatan-lawatan tersebut diharap akan membuka peluang untuk meneroka potensi kerjasama strategik di samping membina rangkaian dengan institusi dan pihak berkepentingan di peringkat antarabangsa yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan teknologi dan pengukuhan sistem negara serta dapat menyumbang kepada hubungan diplomatik yang positif bersama Republik Rakyat China dan antarabangsa dalam mengekalkan kerjasama yang baik dari segi pembangunan dan kemakmuran.

20 AJK MPK MENERIMA SIJIL LANTIKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Kawasan I Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Mac. - Seramai 20 Ahli Jawatankuasa (AJK) Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan I Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri bagi penggal 2024 hingga 2029 telah menerima surat lantikan masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil Lantikan yang berlangsung di kediaman Pemangku Ketua Kampung Kawasan 1 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Pungut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh yang seterusnya menyempurnakan penyampaian surat lantikan berkenaan.

Daripada jumlah ahli berkenaan, seramai lima AJK Tertinggi telah dilantik dan diterajui oleh Awang Haji Abu Bakar, yang juga selaku Pengerusi Majlis.

Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya menzahirkan rasa syukur dan penghargaan atas

kepercayaan yang diberikan dan menekankan pelantikan berkenaan merupakan satu amanah besar yang perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab, keikhlasan dan semangat bekerjasama.

"Sebagai ahli, kita harus sentiasa peka terhadap keperluan dan kebajikan penduduk kampung. Peranan kita bukan sahaja sebagai perancang, tetapi juga sebagai penghubung antara masyarakat dan pihak kerajaan dalam memastikan kesejahteraan bersama," ujar beliau.

Beliau turut menasihatkan semua AJK agar mengamalkan sikap proaktif, berintegriti dan sentiasa terbuka menerima pandangan serta cadangan daripada penduduk kampung.

Menurutnya lagi, kejayaan sesebuah MPK bergantung kepada kekuatan kerjasama berpasukan serta komitmen setiap ahli dalam melaksanakan tugas.

Dalam menggariskan peranan AJK, beliau menjelaskan bahawa setiap AJK bertanggungjawab membantu merancang dan melaksanakan aktiviti kemasyarakatan, menjaga kebajikan penduduk, serta



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Lantikan dan seterusnya bergambar ramai.

menjadi suara perwakilan dalam menyampaikan isu, cadangan dan keperluan penduduk kepada pihak berkuasa.

"AJK juga berperanan dalam memupuk perpaduan, menggalakkan penyertaan penduduk dalam program

kampung, serta memastikan keselamatan dan keharmonian kawasan sentiasa terpelihara.

"Marilah kita bersama-sama berganding bahu, mengukuhkan perpaduan dan berusaha membawa kemajuan kepada kampung kita. Dengan adanya

semangat muafakat dan kesungguhan, insyaaAllah segala perancangan dapat direalisasikan dengan jayanya," ujarnya lagi.

Majlis turut dimeriahkan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri.


**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN**
**Pengiklanan Jawatan Kosong
Peraturan 38(A)**

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mempelawa pemohon-pemohon tempatan yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan-jawatan akademik seperti berikut:

Jawatan:
Profesor Madya

Bahagian:
I

Tangga Gaji:
PT4
(BND6,800.00 - BND7,010.00)
sebulan

Kekosongan Jawatan:
Satu (1)

Bidang:
Ahli Sunnah Wal Jamaah

Tatacara Permohonan

Borang permohonan - borang KUPU SB/P1 bolehlah dimuat turun dengan melayari laman sesawang: www.kupu-sb.edu.bn.

Kolej Universiti berhak menolak permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan. Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk menjalani sesi ujian betulis / temu duga.

Bagi pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan adalah dihendaki untuk menghantar permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menghadapkan satu Laporan Sulit, salinan Prestasi Tiga (3) Tahun Kebelakangan, dan satu salinan Rekod Perkhidmatan.

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Bahagian Pentadbiran
Pejabat Pendaftar
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan
Km 2, Jalan Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan,
BA2111,
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Buka Permohonan:
19 Mac 2026

Tarikh Tutup Permohonan:
8 April 2026

Rujukan Iklan:
KUPU SB / PJW / 6.01 / 26-1A


**JABATAN
ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
-

Kategori:
-

**Lanjutan Ke-3
Tarikh Tutup Pada:**
Selasa,
5 Mei 2026
Sebelum Jam 2.00 Petang

**Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan,
Lapangan Terbang
Lama Berakas
Bandar Seri Begawan
BB3510,
Negara Brunei Darussalam**

**JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025
Permohonan Cadangan
Pelaburan, Mereka Bentuk,
Membangun,
Memiliki dan Mengendalikan
Loji Waste
To Energy Plant Di Lot 17394,
Kg. Sg. Paku,
Tutong, Negara Brunei
Darussalam.**

No. Projek:
JASTRE / BKP / RFP /
01 / 2025


**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
01 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)
Design And Build On
Rectification, Fabrication,
Installation And Development Of
Content, Interactives And
Multimedia For The Brunei
Museum, Kota Batu

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
5 Mei 2026,
Jam 2.00 Petang


**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
34 / DBP / SH / 2025-2026
To Fabricate, Supply And
Deliver Portable Cabin Suitable
For Storage At Perpustakaan
Dewan Bahasa Dan Pustaka

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 April 2026


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 15 / 2026

Nama Projek:
Membaikpulih Dan Menurap
Semula Aspal Di Lebuhraya
Muara - Belait

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang,
Selasa,
14 April 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang,
Selasa,
21 April 2026


KEMENTERIAN KESIHATAN
Pemberitahuan Tawaran

**Bilangan Dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1609) / 2026 / HTD
(A17)

One-Off PPM For
Seventy-Eight (78)
Units Of Centrifuges In
Department Of Lab Services,
Ministry Of Health

**Bilangan Dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1615) / 2026 / HTD
(A17)

One-Off PPM For
Sixty-Five (65) Units Of
Microscopes In Department Of
Lab Services,
Ministry Of Health
(Clustering)

**Bilangan Dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1617) / 2026 / HTD
(A17)

One-Off PPM For
Twenty-Four (24) Units Of
Autoclaves In
Department Of Lab Services,
Ministry Of Health

**Bilangan Dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1619) / 2026 / HTD
(A17)

One-Off PPM For
Twenty-Four (24) Units Of Blood
Collection Monitors In
Department Of Lab Services,
Ministry Of Health

**Bilangan Dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1625) / 2026 / HTD
(A19)

One-Off Preventive Maintenance
Service Of Getinge GSS67H
(67H202E) Sterilizer,
S/N: 0011137425-010-01,
BME19228,
In CSSD,
SSB Hospital Kuala Belait

**Bilangan Dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:**
(04) IKLAN-QTN /
UPP.HRIPAS / 2026 / ORTHO
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning
Battery-Powered Orthopaedic
Oscillating Surgical Saw
For Operating Theatre,
RIPAS Hospital

Bilangan Dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:

PPS / QTN / 21 / 2026
1/ Ethosuximide 250mg / 5ml oral
liquid preparation
Qty: 90 x 200ml

2/ Trifluoperazine 5mg oral solid
preparation preferably
scored tablet
Qty: 100 x 100's

Bilangan Dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:

PPS / QTN / 22 / 2026
1/ Procainamide injection 100mg /
ml x 10ml
Qty: 2 x 10's

2/ Benzalkonium chloride 0.01%
combination with Cetrimide 0.2%
as active ingredients as
Drapolene or its equivalent
Qty: 2000 x 5g

Bilangan Dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:

PPS / QTN / 23 / 2026
1/ Alfentanil 500mcg / ml injection
Qty: 40 x 5's

Bilangan Dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:

(20) PSD / QTN / 2026
- (PHARM)
Thermal Transfer Labels
With Print [Rectangle Size 76mm
(Length) X 40mm (Width)] -
For Bru-Hims / Manual Label
Printing

Bilangan Dan Keterangan
Tajuk Sebut Harga:

(21) PSD / QTN / 2026
- (PHARM)
1/ Plastic Medicine Envelopes
(Small Size - 135mm X 75mm)
2/ Plastic Medicine
Envelopes
(Medium Size - 140mm X
100mm)

3/ Plastic Medicine Envelopes
(Large Size - 200mm X 100mm)

Yuran Sebut Harga:

BND5.00
Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Sabtu,
11 April 2026
Jam 2.00 Petang





Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 74 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 75 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 76 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 77 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 78 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 79 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 80 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 81 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 82 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 83 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DRG / 84 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 85 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 86 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For
The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 87 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines
For The
Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three
(3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 April 2026
Jam 2.00 Petang



Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang

Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam

JASTRE / BL / DB / 01/ 2025(R) Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penaik Taraf Tapak Semaian Belimbing, Bandar Seri Begawan (Reka Dan Bina)

No. Projek:
JASTRE / BL / DB / 01/ 2025(R)

Jumlah Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
IV atau V

Kategori:
KA01 & B01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
7 April 2026



Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kelas 4, 5 Atau 6 Dan Mempunyai Kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat Empat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 003 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of 25/30 MVA ONAN/ONAF 132/66/11kv Power Transformer At Muara Substation

Tarikh Tutup:
7 April 2026
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

سوره هاري

هاري جمعة: معحياتي هاري يغ موليا

جماعة يغ درحمي الله،

برتقوي له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكنن كيامان كشدن. سوسوگوهن اورغ يغ فالغ مليا دسيسى الله ﷻ ايت ايله اورغ يغ فالغ برتقوي. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷻ براوله كجيان دان كسلامين دنيا دان جوك داخيرة.

جماعة يغ درحمي الله،

دهاري يغ فتوه كيركن اين، كيت سموا برهمقون برسام-سام دالم سواسان هاري جمعة يغ موليا، هاري جمعة مروفاكن فقهولو سكل هاري دان دكورنياكن فلپاكاى كاستيميوآن اوليه الله ﷻ دالم سبواه حديث رواية امام مسلم، درفد ابو هريرة روى الله ﷻ رسول الله ﷻ تله برسيدا يغ برمقصود: سبائك-بايك هاري اقبيل تربيتن ماتهاري ايله فد هاري جمعة. فد هاري ايت دجفتانن نبي آدم، فد هاري ايت دماسوقن نبي آدم كدالم شرك دان فد هاري ايت دكلواركنن (نبي آدم) دري شرك سرتا تيدق اكن برلاكو قيامة ملايكن فد هاري جمعة.

هاري جمعة بوكن سقدر هاري بياسا بهكن اي اداله هاري يغ بمبوكا رواغ اوتوق همبا-همبا الله ﷻ مندكنن ديري كشدن دغن لبيه برسوگوه-سوغكوه. بناف اكوغن هاري جمعة اين، هيغك الله ﷻ مغورنياكن فدن ساتو وقتو يغ مستحب اوتوق بردعاء دان دعاء ساورغ همبا ايت تيدق اكن دتوق الله ﷻ. درفد ابو هريرة روى الله ﷻ رسول الله ﷻ ﷺ برسيدا: اِن فِي الْجُمُعَةِ سَاعَةٌ لَا يُوَافِقُهَا عَبْدٌ مُسْلِمٌ، وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي، يَسْأَلُ اللَّهَ تَعَالَى شَيْئًا، إِلَّا آعَطَاهُ اِيَّاهُ.

مقصودن: سوسوگوهن فد هاري جمعة تردافت ساتو وقتو، (دمان) تيدقله (وقتو ترسبوت) برتقن دغن (ماس) ساورغ همبا يغ مسلم سدغ بردعاء دغن ميمتا سسواتو كشد الله، ملايكن (الله) اكن ميريكن كشدن. {حديث رواية امام مسلم}

اوليه ايت، ماريله كيت مريوت وقتو يغ مستحب اين دغن منادهكن تاغن فتوه هارغن، موهون كامقونن آتس دوسا-دوسا يغ لالو، موهون ليمقه رحمة دان كيركن دالم هيدوف، موهون كقوانن اوتوق تروس استقامة دجالن الله ﷻ. موهون اكر هاتي اين تيدق برفالغ درفد هدايهن دان موهون اكر كيت تركولوغ دالم كالغن همبا-همبان يغ دكاسيهي سرتا درحمي دنيا دان جوك داخيرة.

جماعة يغ درحمي الله،

تردافت بيراف عملن سنة يغ داجوركن اوتوق دلقسناكن فد هاري جمعة يغ موليا اين. انتاران ايله:

فرتام: ممبرايكن باجان صلوات كشد بكيندا رسول الله ﷻ. درفد ابو امانة الباهلي روى الله ﷻ رسول الله ﷻ برسيدا يغ برمقصود: فربايكن برصلوات كشد كو فد ستياف هاري جمعة. سوسوگوهن صلوات اومتكو اكن دفرليهنن كشدكو فد ستياف هاري جمعة. سبائك يغ بايق برصلوات كشدكو، ديله يغ فالغ دكت دغنكو (ددام شرك). {حديث رواية البيهقي}

كلوا: داجوركن سوفاي مباح سورة الكهف. فد هاري جمعة. درفد ابو سعيد الخدري روى الله ﷻ رسول الله ﷻ برسيدا يغ برمقصود: بارغسياف يغ مباح سورة الكهف فد هاري جمعة، مك دي اكن دسينري اوليه جهاي دانتارا دوا جمعة. {حديث رواية البيهقي}

جماعة يغ درحمي الله،

دهاري يغ فتوه كيركن اين، كيت سموا برهمقون برسام تنفا مغيرا درجت، فغكت ماهوفون بغسا. كحاضرن كيت فد هاري اين بوكن سقدر ممنوهي توتوتن سمبيغ فرض جمعة، اكن تنافي اوتوق مندغركن خطبة دغن فتوه فرهاتين دان فحجياتن سباكيمان يغ دفرينتهكن دالم اجرن اسلام. درفد ابو هريرة روى الله ﷻ بهاوا رسول الله ﷻ تله برسيدا: اِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ اَنْصِتْ وَالْاِمَامَ يَخْطُبُ، فَقَدْ لَغَوْتَ.

مقصودن: جك اغكاو مفاكتن كشد صحابتمو "دغركنله (خطبة)" فد حل امام فد وقتو ايت سدغ برخطبة، مك سوسوگوهن اغكاو بنر-بنر تله بركات سيا-سيا. {حديث رواية امام بخاري}

اوليه يغ دمكين، دستكنن باكي فارا جماعه اوتوق ديام دان ميريكن سفنوه فرهاتين كيتك خطيب سدغ ميمقيكن خطبة. اين كران اداله مكروه باكي جماعه برجاكف-جاكف اتار بركات-كات، والاوفون دغن نية منصحي اورغ لايين اكر ديام. حال اين كران خطبة جمعة مغاندوغي فلپاكاى منفعت دان توجوان، انتاران ايله:

فرتام: منميهكن علمو فقهونن خصوصن بركاينن حال-حال اكمام، اخلاق دان ايسو-ايسو سماس.

كلوا: ميمقيكن نصيحت دان توجوق اجر اكر فارا جماعه كمبالي كشد اجرن اسلام يغ سبتر دان تيدق ترفيسوغ درفد لندسن شريعة.

كيتك: منيغكنن كيامان دان كقوانن كحضرة الله ﷻ ملالوي فريغنن يغ مهننوه هاتي دان ميدركن جيوا.

كامفت: ميمقيكن راس انصاف دان كسدرن اكر تيدق تروس هايوت دالم كلالاين دان كسرونونن دنيا سماتا-مات.

كليوم: مغميلن فجاجرن دان ايعتبار درفد اية-اية القرآن دان حديث-حديث رسول الله ﷻ يغ دجاككن.

جماعة يغ درحمي الله،

سوغكوه ميهيكن اقبيل ماسيه تردافت سكليننن دالم كالغن كيت يغ مندغ ريغن ترهاتف كواجفن مندغ خطبة جمعة. اد سكليننن جماعه يغ دانغ ليوات هيغك ترلقس كسلوروهن خطبة. لبيه ميهيكن، اد قول يغ هان مندغرن دري دالم كرينا سهاج تنفا سبارغ اوسها فون اوتوق ملغكه ماسوق كدالم رومه الله ﷻ. مك دمانكه نيلاي فغرممن كيت ترهاتف شعار اكمام اين؟

لبيه ميمولون، اد جماعه يغ حاضر سجارا ظاهر ددام مسجد، نامون فيكونن دان هاتين ملايغ آتته كمان. خطبة يغ ديمقيكن دغن فتوه نصيحت دان فريغنن، تيدق مهننوه هاتي سرتا فراسان مريك والاو سديكيت فون. مريك

دودوق دصف يغ سام، تنافي دالم كادان برجاكف-جاكف، بركوراو سندا دان لبيه ميهيكن، اد يغ ليكا ملان تيليفون بيمبيت. مريك ملايري مديا سوسيال، منوتون ويديو بهكن اد يغ برماين GAME تنفا سديكيت فون راس برساله، ساوله-اوله خطبة جمعة ايت تياو هركا، تياو نيلاي دان تياو معنى دالم كهيدوفن مريك.

اينله حقيقتن، بناف مودهن هاتي منجادي كرس اقبيل جهاي هدايه دقدغ سقي. دساعت خطيب سدغ ميمقيكن امانه دعوه دري ميمتر، ميهو كاره تقوى دان مغايغتنن تنغ اخيرة، سبهاكين درفد كيت قول سبوق دغن دنيا يغ ملايكن.

جماعة يغ درحمي الله،


ادافون فربواتن مغكوناكن تيليفون بيمبيت كيتك خطيب مباح خطبة جمعة بوليه دياسكن كقد مقصود سبواه حديث صحيح يغ دروايتكن درفد ابو هريرة روى الله ﷻ بهاوا نبي ﷺ تله برسيدا يغ برمقصود: سبائك يغ بروضو دان ميمقورناكن وضوءن، كمودين دي فركي (كمسجد) اوتوق منونين سمبيغ فرض جمعة، لالو مندغرن دان تيدق برجاكف (كيتك خطبة ديمقيكن)، مك دامقوني دوسا-دوسان يغ اد دانتارا هاري جمعة ايت دان هاري جمعة بريكونن دان دتمبه تيك هاري لايي. دان سبائك يغ برماين-ماين دغن ائق-ائق باتو (كيتك خطبة)، مك دي تله برهوات سيا-سيا. {حديث رواية امام مسلم}

لارغن يغ دسبوت دالم حديث ترسبوت تيدق هان ترحد كشد برماين دغن ائق باتو سمات-مات، بهكن اي مليقوتي سموا فربواتن يغ بوليه مغكغو تومقوان دان كخشوعتن ترهاتف خطبة جمعة. مك، فربواتن مغكوناكن تيليفون بيمبيت كيتك خطيب سدغ برخطبة اداله ترماسوق دالم فربواتن يغ دتكه، كران اي جلس منجسكنن فوكوس دان فرهاتين. جوسرتو، سواجرن فربواتن ترسبوت ديمقكلن سام سكاللي. اين كران كستن بوكن كجيل بهكن مبابا كروكين يغ ساعت بسر يات كهيلغن قهلا دان كلبين-كلبين سمبيغ فرض جمعة.

اخيرن، ماريله كيت سام-سام مريوت كاستيميوآن هاري جمعة يغ هان دانغ سكاللي دالم سميگو. سموك دغن كداتغنن، كيت دافت ممبرايكن عمل عبادت، منيغكنن كيامان دان ممفرتكوهكن كقوانن كيت كحضرة الله ﷻ. موهون سماس. موده-مودهن ستياف عمل عبادت يغ كيت لاكونن فد هاري يغ موليا اين دترما، دبركي دان دكورنياكن كنجارن يغ بسر دسيسى الله ﷻ. امين يا رب العالمين.

سوسوگوهن برجاهله اورغ-اورغ يغ برلمان. (بايت) اورغ-اورغ يغ خشوع دالم سمبيغ مريك. دان اورغ-اورغ يغ منجواهكن ديري درفد (فربواتن دان فركاتان) يغ سيا-سيا. {سورة المؤمنون اية ٣-١}

بارك الله لنا في القرآن العظيم، ونفعنا بالآيات والذکر الحكيم، وتقبل منا تلاوته إنه هو السميع العليم، وأستغفر الله العظيم لي ولكم ولسائر المسلمين والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات فاستغفروه فبا فوز المستغفرين وبانحة التائبين.



IMBASAN MINGGUAN

SALAH seorang jemaah wanita dituntun penuh kasih sayang saat mengunjungi masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar untuk sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SUASANA Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah bagi Daerah Tutong yang disusuli dengan Khutbah Hari Raya diraikan penuh kesyukuran. - Foto : Alisharin Haji Mumin.

GEMBIRA saat menerima sampul raya sesuatu yang sentiasa dinantikan. - Foto : Mohammad Hasif Matzin



BERSALAM-salaman dan bermaaf-maafan amalan yang dituntut dalam Islam selain mengeratkan lagi silaturahim sesama kita. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

KEMPEN Derma Darah yang berlangsung di OneCity, Salambigar yang diadakan oleh Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) bagi tujuan meningkatkan tabung simpanan darah hospital RIPAS. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



BERBAGI rezeki amalan yang dituntut di samping berkongsi kegembiraan bersama golongan susah. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Memperkasa Huffaz Al-Quran dalam komuniti antarabangsa



AWANG Muhammad Ekram 'Afif bin Haji Awang Mohd. Hanafi, Alumni Ma'had Qiraat Shoubra, Universiti Al-Azhar baru-baru ini selamat tiba di Negara Brunei Darussalam setelah memenuhi jemputan sebagai Imam Solat Sunat Tarawih di Japan Da'wah Centre, Osaka, sepanjang bulan Ramadan 1447 Hijrah.

huffaz Al-Quran untuk mengaplikasikan kemahiran hafazan dan bacaan dalam konteks komuniti antarabangsa. Pada masa yang sama, inisiatif ini dihasratkan untuk melahirkan Imam Tarawih yang berkemahiran dan profesional, di samping meningkatkan keyakinan diri dalam penyampaian tazkirah serta pengisian rohani.

Program penghantaran Al-Hafiz NBD ini merupakan usaha Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kolaborasi bersama IQRA' Centre for Ummah, Universiti Sains Islam Malaysia, dan Japan Da'wah Centre, Osaka, Jepun.

khutbah di masjid baharu Japan Da'wah Centre di Wakayama, Jepun yang akan dirasmikan pada bulan Oktober nanti.

Beliau juga diberi penghormatan sebagai khatib Jumaat terakhir bulan Ramadan yang disampaikan dalam bahasa Inggeris.

Sepanjang berada di Japan Da'wah Centre, Osaka, Japan, pelbagai aktiviti keagamaan telah dihadiri seperti mengenali budaya Jepun, mempelajari bahasa Jepun, menghadiri pengislaman warga Jepun, menghadiri pernikahan warga Islam Jepun, memberi pengenalan berkaitan NBD, membuat lawatan ke beberapa buah universiti di Osaka, Jepun serta diberi peluang mengunjungi tempat-tempat bersejarah dan menarik di sekitar Osaka, Jepun.

Penghantaran ini bertujuan memberi peluang kepada para

Selain memperluaskan pengalaman dakwah di luar negara, usaha ini juga berperanan mengukuhkan jaringan kerjasama antara Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama NBD dengan institusi-institusi antarabangsa yang terlibat.

Secara keseluruhannya, inisiatif ini diyakini dapat memartabatkan syiar Islam serta memperkukuh imej institusi dan negara di persada antarabangsa.

Pelaksanaannya turut mendapat sokongan strategik daripada Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. melalui sumbangan Skim Perlindungan Takaful Kembara, serta El-Abqari Travel & Tours Sdn. Bhd. yang menaja tiket penerbangan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Sabtu, 28 Mac. - Seorang Al-Hafiz negara, Awang Muhammad Ekram 'Afif bin Haji Awang Mohd. Hanafi, Alumni Ma'had Qiraat Shoubra, Universiti Al-Azhar baru-baru ini selamat tiba di Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah memenuhi jemputan sebagai Imam Solat Sunat Tarawih di Japan Da'wah Centre, Osaka, sepanjang bulan Ramadan 1447 Hijrah.

Awang Muhammad Ekram 'Afif bersama 11 rakan huffaz daripada Universiti Sains Islam Malaysia telah berkhidmat sebagai Imam Solat Sunat Tarawih di beberapa buah masjid dan balai ibadat sekitar bandar raya Osaka.

Mereka dijadualkan berada di Osaka selama 38 hari, iaitu bermula 16 Februari 2026 hingga 25 Mac 2026.

Sepanjang keberadaannya di sana,

Awang Muhammad Ekram 'Afif bukan sahaja dilantik sebagai Imam Tarawih bahkan juga menyampaikan tazkirah kepada para jemaah, di samping terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan program kerohanian yang dianjurkan oleh Japan Da'wah Centre, Osaka, Jepun.

Lebih membanggakan lagi, beliau telah diberi penghormatan mengimamkan Sembahyang Sunat Aidilfitri dan menyampaikan

RUMAH TERBUKA ERATKAN UKHUWAH PERPADUAN



Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Rumah Terbuka atau Open House memang sudah sinonim dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang kita sambut termasuk di negara ini sebagai undangan tuan rumah kepada mereka yang dijemput.

Jemputan Rumah Terbuka itu juga sekali gus menandakan kelapangan tuan rumah sedia untuk dikunjungi memandangkan masa berkunjung - kunjungan adalah begitu terhad dengan kesibukan dan komitmen masing-masing.

Justeru, dengan adanya konsep Rumah Terbuka pemudah cara bagi semua sanak saudara, sahabat handai, rakan taulan untuk bertemu dan saling bermaaf-maafan antara satu dan

yang lain.

Keunikan Rumah Terbuka ini juga dapat menyatupadukan pada mereka yang jarang sekali bersua muka dan dari itu merapatkan lagi jurang dan hubungan yang jauh dalam satu tempat.

Selain itu, Rumah Terbuka ini juga merupakan tanda syukur atas kelebihan rezeki yang dikurniakan sekali gus berbagi sebagai sedekah demi mengharapkan ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Tuan rumah tersebut setentunya sudah mengehendkan masa tertentu dan kita sebagai tetamu yang diundang wajar mengikuti waktu yang ditetapkan dan elakkan bertandang berjam-jam lamanya di rumah orang bagi memberi ruang kepada para tetamu yang lain.



DENGAN adanya konsep Rumah Terbuka pemudah cara bagi semua sanak saudara, sahabat handai, rakan taulan untuk bertemu dan saling bermaaf-maafan antara satu dan yang lain (atas dan kiri).

Adab berkunjung juga harus dititikberatkan semasa bertandang di rumah orang bak kata istilahnya 'butakan mata' kepada perkara yang tidak perlu dan 'bisukan telinga' mendengar apa-apa yang tidak berfaedah.

Oleh yang demikian, kita yang memenuhi jemputan rumah terbuka seharusnya mendoakan kebaikan yang baik-baik kepada mereka sekeluarga di samping tidak lupa bersalaman untuk memohon kemaafan zahir dan batin bagi sesama muhrim.

RUMAH Terbuka ini juga merupakan tanda syukur atas kelebihan rezeki yang dikurniakan sekali gus berbagi sebagai sedekah demi mengharapkan ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.



PENYEWAAN RUANG ACARA BERI KEMUDAHAN KELANCARAN MAJLIS

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ihsan Hajah Suzlinawati Haji Mohin



PADA masa kini, semakin ramai masyarakat memilih untuk menyewa ruang acara bagi menganjurkan Majlis Rumah Terbuka dan perhimpunan sempena Hari Raya (atas, kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Hari Raya Aidilfitri merupakan perayaan yang amat dinanti-nantikan oleh umat Islam selepas sebulan berpuasa. Pada hari yang mulia ini, amalan kunjung - mengunjungi dan mengadakan rumah terbuka menjadi tradisi yang tidak dapat dipisahkan.

Namun begitu, pada masa kini, semakin ramai masyarakat memilih untuk menyewa ruang acara bagi menganjurkan Majlis Rumah Terbuka dan perhimpunan sempena Hari Raya.

Salah satu sebab utama peningkatan penggunaan ruang acara ialah kerana kekangan ruang di kediaman sendiri. Bagi mereka yang tinggal di rumah kecil atau flat, ruang yang terhad menyukarkan penganjuran majlis berskala besar. Dengan menyewa ruang khas, tuan rumah dapat menjemput lebih ramai tetamu tanpa perlu risau tentang kesesakan dan ruang letak kereta

yang lebih banyak.

Selain itu, penyewaan ruang acara juga memberikan kemudahan yang lengkap. Kebanyakan tempat menyediakan peralatan seperti meja, kerusi, sistem audio serta kemudahan penyaman udara. Hal ini bukan sahaja memudahkan penganjur, malah menjimatkan masa dan tenaga kerana persiapan dapat dilakukan dengan lebih teratur dan profesional.

Dayang Hajah Suzlinawati binti Haji Mohin ketika ditemui berkata, penyewaan dewan atau restoran yang mempunyai ruang yang luas memudahkan individu yang tidak mempunyai perkarangan rumah yang luas untuk mengadakan majlis.

Beliau menyatakan bahawa penggunaan dewan yang selesa serta mempunyai penyaman udara memberikan keselesaan kepada para jemputan. Selain itu, kemudahan tempat letak kereta turut



memudahkan tetamu.

Tambah beliau lagi, kaedah berkenaan juga menjimatkan masa kerana tuan rumah dapat menjemput semua ahli keluarga pada waktu yang telah ditetapkan. Hal ini membolehkan ahli keluarga berkumpul serentak, sekali gus mengeratkan silaturahim melalui pertemuan dan sesi beramah mesra. Dengan itu, tujuan sebenar sambutan Hari Raya dapat dicapai.

Selain itu, penggunaan ruang acara juga membantu mengurangkan beban tuan rumah dari segi persiapan dan pembersihan selepas majlis. Hal berkenaan membolehkan mereka memberi tumpuan sepenuhnya kepada tetamu serta menikmati suasana perayaan dengan lebih santai.

Secara keseluruhannya, trend berkenaan mencerminkan perubahan dalam cara masyarakat menyambut Hari Raya, dengan penekanan kepada keselesaan

dan kelancaran penganjuran.

Sebagai langkah bijak, orang ramai disarankan agar memilih tempat penyewaan yang bersesuaian dengan kemampuan

keuangan masing-masing serta membuat tempahan lebih awal bagi memastikan kelancaran penganjuran majlis, khususnya ketika musim perayaan.



PERKHIDMATAN *live cook* juga membantu mengurangkan beban persiapan makanan dalam kuantiti besar, di samping memastikan hidangan sentiasa panas dan berkualiti sepanjang majlis berlangsung.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Trend menempah perkhidmatan *live cook* bagi acara rumah terbuka semasa Hari Raya Aidilfitri semakin mendapat sambutan dalam kalangan orang ramai, sekali gus membuka peluang kepada pengusaha makanan tempatan untuk menjana pendapatan.

Permintaan terhadap perkhidmatan ini meningkat khususnya ketika musim perayaan, apabila tuan rumah memilih konsep hidangan panas yang dimasak secara langsung di lokasi bagi memberikan pengalaman lebih segar dan menarik kepada tetamu. Antara menu yang sering ditawarkan termasuk mi goreng,

Tempahan *live cook* raih sambutan, pengusaha tempatan terus disokong

kuetiau goreng, nasi goreng dan satey.

Selain memberikan kemudahan kepada tuan rumah, perkhidmatan *live cook* juga membantu mengurangkan beban persiapan makanan dalam kuantiti besar, di samping memastikan hidangan sentiasa panas dan berkualiti sepanjang majlis berlangsung.

Dalam satu temu bual bersama seorang pengusaha *live cook*, Awang Muhammad Asri bin Haji Jaidi, yang terkenal dengan hidangan mee goreng dan kuetiau goreng, berkata permintaan terhadap perkhidmatannya meningkat ketika menjelang musim perayaan.

"Alhamdulillah, setiap kali Hari

Raya, tempahan memang penuh. Ada pelanggan yang membuat tempahan seawal satu hingga dua bulan lebih awal bagi memastikan slot tersedia," jelasnya.

Beliau menambah, konsep memasak secara langsung bukan sahaja memberikan kepuasan kepada tetamu, malah membolehkan pelanggan menyesuaikan tahap rasa mengikut selera masing-masing.

"Ada yang suka lebih pedas, ada yang kurang minyak atau mahu tambahan lauk seperti udang dan ayam. Semua itu boleh kami sediakan secara terus di lokasi," tambahnya lagi.

Menurutnya, antara cabaran utama adalah memastikan kelancaran operasi di lokasi,

termasuk penyediaan peralatan dan pengurusan masa agar hidangan dapat disajikan tanpa menunggu lama.

Dalam masa yang sama, inisiatif ini dilihat sebagai satu bentuk sokongan langsung kepada pengusaha tempatan, termasuk Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam industri makanan dan katering.

Sehubungan itu, orang ramai adalah digalakkan untuk terus menyokong perkhidmatan tempatan seperti *live cook catering* ini sebagai usaha memperkukuhkan ekonomi komuniti, di samping memeriahkan lagi sambutan Hari Raya dengan suasana yang lebih interaktif dan unik.

Salam Aidilfitri

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul karim

HARI Raya Aidilfitri merupakan hari kemenangan bagi umat Islam setelah sebulan menunaikan ibadah puasa. Bagi menzahirkan rasa syukur dan gembira, Pelita Brunei memberi peluang kepada orang awam untuk menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya sebagai pengganti diri. Semoga sambutan tahun ini akan menambah eratkan lagi silaturahmi bersama keluarga serta sahabat handai.



Ampuan Nurul Waizzah binti Ampuan Asmad, Kampung Batang Tuau, Daerah Temburong

"Selamat Hari Raya Aidilfitri Kepada semua umat Muslimin dan Muslimat. Maaf Zahir dan Batin. Semoga Syawal ini membawa keberkatan dan kebahagiaan kepada kita semua. Didoakan agar segala amalan diterima dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga silaturahmi terus terjalin dengan erat sepanjang masa. Ampun dan maaf dipohon atas segala khilaf dan kesilapan. Semoga kehidupan kita sentiasa dilimpahi rahmat dan kebaikan. Salam Aidilfitri, ikhlas daripada kami bersaudara".



Ampuan Mohamad bin Ampuan Haji Hussin dan Dayang Rokiah binti Haji Mat Yassin, Kampung Sungai Besar, Daerah Brunei dan Muara

"Dengan ingatan tulus ikhlas, kami mengucapkan Salam Lebaran kepada semua yang mengenali. Dengan penuh kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon ampun dan maaf atas segala salah dan silap, sama ada yang disengajakan mahupun tidak. Semoga Aidilfitri ini disambut dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan, serta mengeratkan lagi hubungan silaturahmi sesama kita. Semoga Syawal yang mulia ini membawa keberkatan, ketenangan jiwa, kesihatan yang baik serta kebahagiaan yang berpanjangan kepada kita semua. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin ikhlas daripada kami sekeluarga".



Awang Sani bin Haji Abd. Rahman dan Dayang Latifah binti Haji Sulaiman serta keluarga, Sungai Tali, Lumut, Daerah Belait

Pergi ke pekan membeli kain,
Singgah sebentar membeli pelita,
Syawal tiba kita rayakan,
Maaf Zahir Batin dipinta.

"Kami sekeluarga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin buat semua keluarga yang jauh mahupun yang dekat. Salah dan silap harap dimaafkan. Semoga Aidilfitri ini membawa kebahagiaan, keberkatan dan mengeratkan lagi silaturahmi sesama kita".

Awang Mohammad Syazwan Faiz bin Wahab, Dayang Norazemah binti Aliakbar, Dayang Syafazara Nor Keyla binti Mohammad Syazwan Faiz, Dayang Syafa 'Ilya Al-Luthfiya binti Mohammad Syazwan Faiz, Kampung Sungai Tampoi, Sengkurong, Daerah Brunei dan Muara

Tangan dihulur membuka bicara,
Erat hubungan sesama kita,
Semoga gembira di hari yang mulia,
Salah dan silap maaf dipinta.


"Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin".



Awang Haji Khairul Azmi bin Haji Bidin, Kampung Birau, Daerah Tutong

"Eid Mubarak, kullu 'aamin wa antum bi khair."

Salam Aidilfitri penuh kasih sayang daripada kami Keluarga Imtiyaz bersama ibunda kami Dayang Hajah Minah binti Haji Hasan, Awang Haji Khairul Azmi bin Haji Bidin dan Dayang Norul Faizah binti Haji Johan, Awang Md. Haikal Imtiyaz bin Haji Khairul Azmi, Awang Md. Danial Imtiyaz bin Haji Khairul Azmi, dan Dayang Nour Rania Mumtazah binti Haji Khairul Azmi. Semoga Aidilfitri ini mengeratkan lagi ikatan silaturahmi, menambah kasih sayang, serta membawa rahmat dan kebahagiaan buat kita semua. Maaf Zahir dan Batin".



Raih keberkatan ziarah-menziarahi, titik beratkan adab sesama kita

Oleh : Nurdianah Rajami
 Ilustrasi : Ak. Izzan Danish Pg. Idris,
 penempatan penuntut Kolej Pengajian
 Siswazah Antarabangsa di Seksyen
 Reka Kreatif, Bahagian Pelita brunei

HARI Raya Aidilfitri adalah salah satu kurnia nikmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada seluruh umat Islam setelah selesai menunaikan ibadah puasa di bulan suci Ramadan.

Kemeriahan di bulan Syawal ini sememangnya diraikan dengan penuh warna-warni diserikan pula dengan adanya salah satu amalan dan budaya murni masyarakat Islam yang tidak terkecuali di Negara Brunei Darussalam seperti ziarah-menziarahi atau kunjung-mengunjungi dalam kalangan ahli keluarga, sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai.

Begitulah indahnya bulan kemenangan yang disambut bersama jiwa kesyukuran. Selain menjadi medan untuk menzahirkan rasa penuh kegembiraan itu, ia sememangnya juga menjadi wadah terbaik untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim dan saling bermaafan sesama insan.

Raih keberkatan ziarah-menziarahi

Ziarah-menziarahi adalah amalan yang dituntut dalam Islam yang patut dikekalkan dan dihidupkan kerana amalan ini mempunyai kelebihannya yang tersendiri. Ziarah bertujuan mengeratkan tali persaudaraan dan perpaduan sesama umat Islam, di samping menyemarakkan semangat untuk hidup bermasyarakat dan bernegara.

Berziarah adalah amalan yang dituntut di dalam agama Islam yang patut kita pelihara dan amalkan. Ini kerana amalan ini mempunyai fadilat dan kelebihan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada menyebutkan perihal kelebihan ataupun fadilat ziarah.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu ia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda sebagaimana maksudnya : "Barang siapa menziarahi

orang sakit atau menziarahi saudaranya sesama Islam semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah, nescaya malaikat akan mendoakannya dengan berkata: "Engkau telah mendapat kebaikan hidup (di dunia dan di akhirat), dan engkau telah menempatkan atau menyediakan bagi dirimu satu martabat yang tinggi di syurga". (Hadis Riwayat Imam Termizi).

Namun dalam kegembiraan dan keterujaan menikmati detik-detik berhari raya, salah satu perkara yang perlu sentiasa dititikberatkan dalam diri dan juga insan-insan sekeliling kita ialah nilai adab ketika berziarah. Hakikatnya, ada dalam kalangan kita mungkin terlepas pandang atau masih kurang berhati-hati dalam menjaga etika dan tingkah laku sebagai seorang Islam dalam amalan ziarah-menziarahi.

Ini terbukti dalam Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nur, ayat 27 hingga 28 sebagaimana tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu masuk ke dalam rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu, mudah-mudahan kamu sentiasa beringat. Jika kamu tidak mendapati seorang pun di dalamnya maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin dan jika dikatakan kepada kamu : "Baliklah," maka hendaklah kamu balik. Itu lebih baik bagi kamu. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan".

Berdasarkan ayat tersebut, kita hendaklah sentiasa menjaga adab ziarah yang ditetapkan dalam Islam iaitu bermula daripada sebelum berziarah, semasa berziarah, selepas berziarah dan perkara-perkara yang perlu dihindarkan ketika berziarah.

Adab ketika berziarah

Oleh yang demikian, antara adab berziarah yang dituntut oleh syarak ialah memberi salam dan meminta izin terlebih

dahulu sebelum masuk ke rumah yang diziarahi; mengetuk pintu dengan perlahan sekira-kira boleh didengar oleh tuan rumah atau penghuni rumah yang mana keperluan mengetuk pintu itu hanyalah peringatan atau pendahuluan untuk meminta izin, bukanlah sebagai ganti kepada memberi salam.

Pada masa ini kebanyakan rumah menyediakan alat bunyi seperti loceng sebagai kemudahan untuk ahli rumah mengetahui kehadiran pengunjung, maka hendaklah digunakan alat tersebut dengan sebaiknya dan jangan menekannya berulang kali dan berpanjangan.

Sebagai tetamu, kita juga digalakkan bersalaman dengan tuan rumah. Walau bagaimanapun, kita sebagai umat Islam perlu menjaga adab dan beringat tentang bersalam-salaman dengan yang bukan muhrim khususnya antara lelaki dengan perempuan.

Perlu diingat, bagi mereka yang pergi berziarah maka hendaklah memilih masa dan waktu yang sesuai untuk berkunjung, elakkan berziarah pada waktu atau masa bersembahyang fardu khususnya Sembahyang Fardu Maghrib kerana waktunya amat terhad dan juga tidak berziarah pada waktu jauh malam dan sebagainya.

Adab lain yang perlu dipelihara ialah untuk menjaga tatatertib dan tingkah laku kita selaku tetamu. Masuk ke rumah orang dengan penuh hormat. Ibu bapa atau penjaga juga perlu menasihatkan anak kecil mereka supaya menjaga kelakuan agar tidak berlaku perkara yang tidak diinginkan, dan menimbulkan rasa kurang selesa kepada tuan rumah.

Di samping itu, pentingnya menjaga percakapan dan perbualan semasa berkunjung. Kita diingatkan agar saling menjaga tutur kata agar tidak menyakiti mana-mana pihak atau bercerita tentang perkara-perkara yang membawa faedah kepada kita dan orang sekeliling. Hari Raya adalah masa untuk saling bermaaf-maafan dan bukannya untuk menambah dosa.

Jaga pemakanan demi kesihatan

Sebut saja makanan, satu ungkapan yang tidak dapat dipisahkan dalam kalangan masyarakat kita ketika berhari raya bahkan pelbagai cita rasa juadah pasti tersedia. Semestinya, hidangan juadah Hari Raya adalah antara inti pati penting dalam sambutan Aidilfitri, namun berapa ramaikah yang sedar akan pentingnya pemakanan secara sihat semasa musim perayaan ini?

Biasanya, ramai di antara kita akan mengambil makanan yang berlebihan kerana hal ini tentunya disebabkan oleh setiap rumah yang dikunjungi akan menghidangkan makanan sebagai menghargai tetamu yang datang. Walaupun hari raya bermakna hari kemenangan untuk orang Islam setelah dengan taatnya menjalani ibadah berpuasa sebulan sebelumnya, ia tidak bermakna kita boleh makan apa saja yang tersedia di depan mata.

Hakikatnya, pengambilan juadah seumpama ini tanpa kawalan boleh memberi risiko kepada kesihatan, sekali gus mendekati kita kepada risiko masalah kesihatan seperti tekanan darah tinggi, kencing manis dan obesiti.

Dalam pada itu, menjamah makanan yang dihidangkan dengan tertib juga antara salah satu adab semasa berziarah. Ambillah makanan sekadar mencukupi untuk diri sendiri dan elakkan membazir. Kita perlu ingat masih ada ramai tetamu yang akan datang untuk menjamu selera. Adab ziarah yang terakhir ialah mengucapkan terima kasih kepada tuan rumah dan meminta izin apabila hendak beredar serta bermaaf-maafan sebelum balik.

Sebagai kesimpulan, ambillah peluang Hari Raya Aidilfitri untuk ziarah-menziarahi sesama kita untuk mengukuhkan ikatan silaturahim sambil bermaaf-maafan. Ziarah di Hari Raya merupakan sunnah yang sangat dianjurkan, namun jangan biarkan kegembiraan merosakkan adab kita sebagai umat Islam. Marilah sama-sama kita memelihara adab dengan baik agar perayaan ini dapat disambut dengan lebih bermakna dan harmoni.

SYAWAL PENUH MAKNA, PUSARA JADI INGATAN



ZIARAH ke tanah perkuburan juga menjadi tradisi yang penuh makna, di situlah kita mengenang kembali jasa dan pengorbanan mereka, sambil menyedari betapa singkatnya kehidupan di dunia ini, dan secara tidak langsung mengajar kita untuk lebih menghargai mereka yang masih ada, serta memperbaiki hubungan yang mungkin pernah terabai (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Hari Raya Aidilfitri lazimnya disambut dengan penuh kegembiraan, rumah dihias indah, juadah disediakan dengan penuh kasih, dan sanak saudara berkumpul mengeratkan silaturahmi.

Namun di sebalik keceriaan itu, terselit satu rasa yang tidak dapat dielakkan iaitu rindu kepada mereka yang telah pergi buat selama-lamanya.

Bagi sesetengah insan, Hari Raya bukan lagi sama seperti dahulu, kerusi kosong di ruang tamu seakan-akan berbicara, mengingatkan kita kepada ibu, ayah, datuk, nenek atau insan

tersayang yang pernah memeriahkan suasana.

Gelak tawa mereka kini hanya tinggal kenangan, namun tetap segar dalam ingatan. Rasa rindu ini bukanlah sesuatu yang harus disembunyikan, sebaliknya ia adalah tanda kasih yang tidak pernah pudar.

Dalam keheningan pagi Syawal, ketika takbir bergema, ramai yang menadah tangan, menghadiahkan doa buat mereka yang telah pergi, itulah salah satu cara kita terus menghubungkan kasih sayang yang tidak terputus walaupun dipisahkan oleh alam yang berbeza.

Ziarah ke tanah perkuburan



juga menjadi tradisi yang penuh makna, di situlah kita mengenang kembali jasa dan pengorbanan mereka, sambil menyedari betapa

singkatnya kehidupan di dunia ini, dan secara tidak langsung mengajar kita untuk lebih menghargai mereka yang masih

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

ada, serta memperbaiki hubungan yang mungkin pernah terabai.

Dalam kegembiraan menyambut Hari Raya, janganlah kita lupa untuk mengingati mereka yang telah pergi, sedekahkan Al-Fatihah, mendoakan agar roh mereka ditempatkan dalam kalangan orang-orang beriman, beramal soleh serta kalangan ahli syurga dan teruskan membuat amal kebajikan sebagai tanda ingatan.

Sesungguhnya, Hari Raya juga bukan sekadar tentang perayaan dan kemeriahan, tetapi juga tentang kasih sayang, kenangan, dan penghargaan. Walaupun jasad mereka tiada di sisi, cinta kita terhadap mereka tetap hidup di dalam doa, dalam ingatan, dan dalam setiap langkah kehidupan kita.

Fesyen kebaya tampilkan sentuhan moden



FESYEN kebaya menampilkan sentuhan moden yang lebih segar dan kreatif dan mempunyai perbezaan dengan kebaya yang dahulunya.

Oleh : Pg Vivy Malessa Pg Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Sabtu, 28 Mac. - Antara fesyen Hari Raya Aidilfitri tahun ini, yang mendapat tempat bagi kaum hawa ialah fesyen kebaya. Fesyen kebaya menampilkan sentuhan moden yang lebih segar dan kreatif dan mempunyai perbezaan dengan kebaya yang dahulunya.

Pemilihan fabrik yang lembut bagi fesyen kebaya tahun ini serta material yang ringan memberikan keselesaan kepada pemakainya.

Selain itu fesyen kebaya yang

dipakai pada tahun ini juga dipengaruhi oleh pereka-pereka fesyen yang mengekalkan fesyen kebaya dan turut mempromosikan rekaan mereka melalui platform digital.

Di samping itu, fesyen kebaya siap pakai (*ready to wear*) kini juga semakin mudah diperolehi di pelbagai butik dan bazar, malahan ditawarkan dengan harga yang sangat berpatutan serta mesra pengguna. Oleh itu, fesyen kebaya menjadi antara pilihan pakaian Hari Raya pada tahun ini.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كمتبرين كصحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Menyantuni Anak Yatim : Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 1 April 2026
- 2.'Cabaran Belia Dalam Mendapatkan Pekerjaan Berkualiti '. Tarikh Tutup : 8 April 2026
- 3.'Ketagihan Telefon Pintar Dalam Kalangan Remaja '. Tarikh Tutup : 15 April 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KIRA-KIRA 550,000 IKAN STURGEON CHINA DILEPASKAN KE HABITAT LIAR



BEIJING, 29 Mac. - Kira-kira 550,000 ikan sturgeon China yang dibiak secara buatan telah dilepaskan ke sungai-sungai di pelbagai bahagian negara pada hari Sabtu, menurut Kementerian Pertanian China.

Pelepasan tersebut, yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Hal Ehwat Luar Bandar, diadakan secara serentak di Jingzhou dan Yichang di wilayah Hubei, China tengah, serta di Daerah Chongming di Shanghai.

Semasa acara itu, pakar dan unit yang berkaitan dengan pembiakan

serta pemuliharaan ikan sturgeon China telah mengadakan perbincangan mendalam mengenai perlindungan dan teknologi pembiakan buatan spesies tersebut, menurut kementerian.

Ikan sturgeon China merupakan hidupan akuatik liar yang dilindungi di bawah kategori kelas pertama negara dan merupakan spesies ikonik Sungai Yangtze. Usaha pelepasan semula secara berterusan adalah langkah penting untuk memulihkan pembiakan semula jadi serta membina semula

populasi liar.

Digelar sebagai "panda akuatik", ikan sturgeon China telah wujud lebih daripada 140 juta tahun. Namun, populasi semula jadi spesies ini di Sungai Yangtze merosot dengan ketara pada akhir abad ke-20 akibat aktiviti manusia.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, China telah melaksanakan usaha pemuliharaan yang signifikan, termasuk memperluas pembiakan buatan dan pelepasan semula serta menggalakkan pembiakan semula jadi spesies ini.

Usaha akan terus diperkukuh bagi meningkatkan jumlah dan kualiti ikan sturgeon China dalam kurungan, meneruskan pelepasan

berskala besar, serta berusaha memulihkan populasi liar, menurut kementerian. - ©XINHUA



FOTO yang diambil pada 12 April 2025 ini menunjukkan ikan sturgeon China yang bakal dilepaskan ke Sungai Yangtze di Bandar Yichang, wilayah Hubei, China tengah.

Dagestan, Rusia diisytiharkan darurat kerana hujan lebat

ISTANBUL, 29 Mac. - Darurat diisytiharkan Sabtu di bandar Makhachkala di Dagestan, Rusia susulan hujan lebat, banjir dan tanah runtuh, menurut bandar itu di Telegram, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Perkhidmatan kecemasan diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga, usaha tindak balas sedang dijalankan dan bantuan akan diberikan kepada penduduk terjejas, menurut kenyataan itu. Lebih setengah juta pelanggan terputus bekalan elektrik akibat hujan lebat, menurut kenyataan.

"Masalah utama yang menghalang bekalan kuasa kepada rumah yang tidak mempunyai bekalan elektrik pada masa ini ialah banjir yang meluas. Hal ini terutamanya menjejaskan Makhachkala dan Khasavyurt,"

menurut kenyataan itu, sambil menambah tiga pusat bekalan kuasa utama di ibu negara dinaiki air.

Menurut kenyataan itu, ancaman tanah runtuh telah dikeluarkan di bandar Buynaksk dan penduduk sedang dipindahkan ke kawasan lebih selamat.

Tanah runtuh berlaku di daerah Tlyaratinsky dan Tsumadinsky. Bahagian jalan yang terjejas ditutup, dan kerja-kerja sedang dijalankan," katanya. Sebanyak 103 orang dipindahkan daripada rumah yang ditenggelami air, tambahnya.

Keadaan kewaspadaan tinggi juga diisytiharkan di seluruh wilayah Dagestan, Rusia hingga Isnin, menurut perkhidmatan akhbar Dagestan di Telegram. Menurut kenyataan rasmi, bencana itu

menyebabkan gangguan bekalan elektrik di 22 daerah perbandaran dan satu daerah bandar.

Dua jambatan kereta api runtuh di bahagian Khasavyurt-Kadiyurt Kereta Api Caucasus Utara, menurut kenyataan itu. Disebabkan banjir di stesen kereta api Tarki di kampung Khushet, perkhidmatan tren ditunda sementara.

Sementara itu, keadaan kewaspadaan tinggi turut diumumkan di wilayah Chechnya di Rusia berikutan hujan lebat berserta angin kencang, yang menyebabkan gangguan bekalan elektrik, jambatan rosak, banjir, serta tanah runtuh dan batu, lapor agensi berita negara Tass. Amaran ribut kekal berkuat kuasa di rantau itu hingga akhir Ahad, tambahnya. - ©BERNAMA

Ribuan kanak-kanak Republik Kesatuan Myanmar masih bergelut setahun selepas gempa bumi

PHNOM PENH, 28 Mac. - Menjangkau setahun selepas gempa bumi besar melanda Republik Kesatuan Myanmar, sebuah organisasi antarabangsa mengingatkan bahawa masih banyak kanak-kanak bergelut dengan trauma bencana dan memerlukan sokongan kemanusiaan.

Gempa bumi kuat berukuran 7.7 skala Richter melanda bahagian tengah Republik Kesatuan Myanmar, dengan pusat gempa terletak berhampiran bandar Mandalay dan Sagaing pada 28 Mac tahun lepas.

Kira-kira 3,800 orang terkorban dalam kejadian itu.

Menurut Save the Children dalam kenyataan, sebahagian kanak-kanak kehilangan orang tersayang manakala yang lain masih menanggung trauma selepas melalui bencana yang mengerikan itu.

Pengarah Serantau Asia organisasi itu, Arshad Malik, menggesa masyarakat antarabangsa supaya tidak mengabaikan kanak-kanak di Myanmar kerana krisis global yang

lain, yang bersaing untuk 'perhatian' dan bantuan sumber.

"Gempa bumi Republik Kesatuan Myanmar mungkin berakhir dalam beberapa saat sahaja tetapi kesan bencana seperti itu berlanjutan lama selepas tragedi melanda.

"Kanak-kanak di Republik Kesatuan Myanmar masih berdepan ketakutan, kesedihan dan kehilangan," kata Arshad.

Save the Children dan rakan kongsinya mengedarkan makanan, minuman dan kit kecemasan, barangan kebersihan diri, kain terpal dan tali untuk tempat perlindungan sementara selepas gempa bumi.

Setahun kemudian, ia telah membantu lebih 275,000 orang termasuk kira-kira 80,000 kanak-kanak, menurut organisasi itu.

Negara Asia Tenggara tersebut terdedah pada bencana alam seperti taufan, gempa bumi, banjir dan tanah runtuh, yang boleh memberi kesan buruk kepada penduduk dan ekonominya.

Gempa bumi berkenaan memusnahkan ladang, harta

benda, talian elektrik dan jambatan, menyebabkan penderitaan yang amat besar bagi rakyat, kebanyakannya bergantung pada sektor pertanian.

Lebih 55 juta orang di Republik Kesatuan Myanmar, sebuah negara yang kaya dengan sumber, terus menghadapi bencana cuaca berulang setiap tahun yang menjejaskan kehidupan mereka.

Selain itu, rampasan kuasa tentera pada 2021 memburukkan lagi tekanan ekonomi mereka, selepas Republik Kesatuan Myanmar sekali berdepan pengasingan daripada masyarakat antarabangsa.

Krisis ekonomi juga semakin meruncing berikutan konflik berterusan antara tentera dan pelbagai kumpulan etnik bersenjata di beberapa bahagian di negara itu.

Menurut data Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu, sekurang-kurangnya tiga juta orang kehilangan tempat tinggal akibat konflik berpanjangan, rampasan kuasa dan bencana alam setakat 2024. - ©BERNAMA

Republik India lulus perolehan pertahanan bernilai US\$25.1 bilion

NEW DELHI, 28 Mac. - Majlis Perolehan Pertahanan Republik India pada Jumaat meluluskan cadangan bernilai 2.38 trilion rupee (kira-kira US\$25.1 bilion) bagi memperoleh pelbagai sistem ketenteraan, termasuk pesawat pengangkut dan bateri pertahanan udara S-400 buatan Persekutuan Rusia.

Kementerian Pertahanan dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa pembelian bagi pihak tentera darat akan merangkumi sistem pengesan pertahanan udara, peluru anti-kereta kebal dan meriam.

Sementara itu, tentera udara telah diberikan kelulusan untuk perolehan pesawat pengangkut sederhana, sistem peluru berpandu permukaan-ke-udara jarak jauh S-400 dan pesawat serangan dipandu jarak jauh.

Tentera udara akan menghentikan penggunaan pesawat AN-32 dan IL-76 miliknya dengan perolehan pesawat pengangkut sederhana yang baharu ini.

Dalam pada itu, Kementerian Pertahanan turut menandatangani perjanjian kontrak bernilai 4.45 bilion rupee (kira-kira US\$47 juta) dengan pengeksport senjata Persekutuan Rusia, Rosoboronexport, bagi membeli sistem meriam anti-pesawat Tunguska untuk kegunaan menentang ancaman udara seperti dron dan peluru berpandu krus. - ©BERNAMA

Republik Singapura gagal cubaan seludup 830kg sisik tenggiling

REPUBLIK SINGAPURA, 28 Mac. - Pihak berkuasa Republik Singapura merampas lebih 830 kilogram (kg) sisik tenggiling Asia, dianggarkan daripada lebih 2,200 ekor haiwan itu, rampasan terbesar setakat ini, kata Lembaga Taman Negara (NParks).

NParks dalam kenyataan pada Sabtu memaklumkan rampasan itu berlaku pada 29 Disember 2025 apabila pegawai Penguasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) memintas sebuah lori yang membawa masuk kargo laut yang diisytiharkan secara palsu sebagai 'kulit ikan kering' di Stesen Pengimbasan Jurong.

Pemeriksaan seterusnya menemukan 30 beg sisik tenggiling yang dirampas oleh NParks.

"Berdasarkan siasatan awal, kargo itu sedang transit melalui Republik Singapura dalam perjalanan dari Republik Indonesia ke Kemboja," menurut kenyataan itu.

Menurut NParks, analisis genetik oleh saintis di Pusat Forensik Hidupan Liar mendapati sisik berkenaan ialah sisik Tenggiling Sunda (Manis javanica), spesies terancam yang berasal dari Asia Tenggara, termasuk Republik Singapura.

"Republik Singapura mengamalkan pendirian sifar toleransi terhadap perdagangan haram spesies hidupan liar yang terancam, bahagiannya dan terbitannya.

"Kes ini menggariskan kepentingan kawalan sempadan Republik Singapura yang kukuh dan menunjukkan keberkesanan pendekatan yang diselenggarakan, diterajui perisikan, dan pelbagai agensi dalam mengesan dan mencegah jenayah hidupan liar," tambahnya.

Tenggiling dilindungi di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam (CITES) yang ditandatangani Republik Singapura.

Republik Singapura komited terhadap usaha antarabangsa untuk memerangi perdagangan hidupan liar haram bagi memastikan kemampan jangka panjang haiwan tersebut, menurut NParks. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



3 ATLET LAWAN PEDANG REPUBLIK RAKYAT CHINA MENDUDUKI TEMPAT KE-64 DIFIE MEN'S SABRE WORLD CUP

BUDAPEST, 28 Mac. - Tiga pemain lawan pedang Republik Rakyat China mara ke pusingan 64 terbaik pada pusingan ketiga 2025-2026 season FIE Men's Sabre World Cup di sini pada hari Jumaat.

Republik Rakyat China telah menurunkan skuad seramai 12 orang ke Budapest, kata Jurulatih Pasukan Chen Feng.

"Kami mempunyai jadual yang padat tahun ini, termasuk Kejohanan Dunia dan Sukan Asia. Matlamat kami adalah untuk menguji pasukan melalui

pertandingan peringkat tinggi," kata Chen.

Shen Chenpeng, yang mara ke suku akhir di Sukan Olimpik Paris 2024 dan kini berada di kedudukan ke-15 di dunia, menerima *bye* ke Pusingan 64, yang dijadualkan pada hari Sabtu.

Yin Xiaopeng dan Luo Shaotong juga mara melalui perlawanan kumpulan dan pusingan penyingkiran awal.

Sebanyak 246 pemain lawan pedang bertanding dalam acara individu di peringkat Budapest,

dengan acara berpasukan dijadualkan pada hari Ahad. - ©XINHUA

LUO Shaotong dari Republik Rakyat China beraksi semasa pusingan awal FIE Men's Sabre World Cup musim 2025-2026 di Budapest, Hungary.



Nur Suraiya gondol emas acara pecut di ACC Republik Filipina

KUALA LUMPUR, 28 Mac. - Pelumba berbasikal trek para wanita negara Nur Suraiya Muhamad Zamri mencipta sensasi apabila merangkul pingat emas dalam acara pecut di Kejohanan Berbasikal Trek Asia (ACC) 2026 di Velodrom Tagaytay City, Republik Filipina, hari ini.

Nur Suraiya yang beraksi dalam Kategori Wanita 'B' (kecacatan penglihatan) mempamerkan kayuhan bertenaga untuk mengetepikan pencabar dari Kazakhstan Kalaus Anastassiya 2-0 pada aksi final.

Pingat gangsa diraih rakan senegara Nur Azlia Syafinaz Mohd Zais yang menewaskan seorang lagi pencabar Kazakhstan Zhantore Moldir 2-0 dalam aksi penentuan tempat ketiga.

Berbeza nasib bagi Kategori Lelaki 'B' apabila Mohd Khairul Hazwan Wahab terlepas peluang untuk menggondol pingat emas selepas tewas kepada pelumba Jepun Kimura Kazuhei 2-1 pada aksi final dan terpaksa berpuas hati dengan pingat perak.

Pingat gangsa menjadi milik pelumba Republik Indonesia Nur Fendi yang menewaskan pencabar Kazakhstan Seitghan Kenzhegul 2-0.

Seorang lagi pelumba wanita negara Nur Aisyah Mohamad Zubir sekadar menduduki tempat ketujuh dalam acara perlumbaan mata wanita elit selepas mengutip 15 mata, manakala pingat emas, perak dan gangsa masing-masing disambar atlet Uzbekistan, Kozieva Nafosat (35 mata), Leung Wing Yee dari Hong Kong (34 mata) dan atlet Republik Singapura Elizabeth Le Min Liau (31 mata). - ©BERNAMA

Tidak berjaya di Olimpik, Meng Yean hasrat lahir juara melalui akademik

KUALA LUMPUR, 29 Mac. - Bekas pemain beregu wanita negara Lee Meng Yean kini mengorak langkah baharu dalam pembangunan akar umbi badminton tanah air menerusi penubuhan akademi yang memfokuskan pembangunan pemain muda daripada peringkat asas.

Beliau yang pernah beraksi di pentas Sukan Olimpik Tokyo 2020 bergandingan dengan Chow Mei Kuan berkata akademi itu bertujuan membina dan mengasah bakat pemain daripada usia muda sebelum disalurkan ke peringkat negeri dan seterusnya ke tahap lebih tinggi.

"Program ini bukan sahaja membantu perkembangan pemain muda, malah berpotensi menyumbang kepada pembangunan

badminton negara secara keseluruhan," katanya ketika ditemui pada Hari Terbuka Media Future Champs Badminton Academy di Kepong Sports A Plus 4 Badminton Center di sini, hari ini.

Akademi yang beroperasi kira-kira empat bulan lepas, kini mempunyai kira-kira 50 pelajar.

Meng Yean mengakui pengalaman sebagai pemain kebangsaan serta beraksi di pentas Olimpik menjadi pendorong utama untuk beliau kembali menyumbang kepada sukan badminton negara, khususnya dalam melahirkan generasi pelapis.

"Saya pernah menjadi pemain kebangsaan dan beraksi di Olimpik, namun tidak berjaya meraih pingat. Jadi, saya berharap dapat membantu pemain muda mencapai

sasaran tersebut. Itu impian saya dan saya yakin mampu membantu mereka mencapainya," katanya.

Dalam pada itu, ketika ditanya peluang skuad negara pada kempen Piala Uber 2026, Meng Yean berpandangan pasukan yang dibarisi majoriti pemain muda tidak wajar dibebani tekanan berlebihan, sebaliknya perlu dinilai dari sudut pendedahan serta pengalaman berharga yang mampu diraih.

Piala Uber 2026 dijadual berlangsung di Horsens, Denmark dari 24 April sehingga 3 Mei. Skuad wanita negara yang diundi dalam Kumpulan B bersama-sama juara enam kali Jepun, Turkiye dan Afrika Selatan dalam misi mara ke peringkat kalah mati buat kali pertama sejak edisi 2010. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JANGAN PERNAH MENYERAH DALAM MENGHADAPI UJIAN HIDUP